

Jilid I
Bil. 27



Hari Selasa
21hb November, 1978

M A L A Y S I A

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 2589]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1979:

Jawatankuasa [Hari Keenam]—

Jadual:

Maksud B. 29 [Ruangan 2610]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1979:

Jawatankuasa [Hari Keenam]—

Maksud P. 29 [Ruangan 2610]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., D.S.I.J., J.M.N., P.I.S.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- .. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).
- .. Menteri Pengangkutan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).
- .. Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- .. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- .. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- .. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).
- .. Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- .. Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- .. Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).
- .. Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelahtan).
- .. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- .. Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- .. Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- .. Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).

- Yang Berhormat** Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- .. Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- .. Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).
- .. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- .. Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S (Saratok).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- .. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SERI SYED AHMAD AL-HAJ BIN SYED MAHMUD SHAHABUDDIN, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- .. Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungei Siput).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).

- Yang Berhormat** Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- .. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J. A.M.N. (Batu Pahat).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- .. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- .. TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- .. TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- .. TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- .. TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasar Mas).
- .. DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- .. TUAN ABDUL SHUKOR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- .. DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- .. TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- .. TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- .. TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- .. DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- .. TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- .. TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- .. TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- .. TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).

- Yang Berhormat TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K.,
P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL. RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N.
(Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- „ TUAN Oo GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ DR TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI,
P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 21hb November, 1978

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**KECEKAPAN DALAM PERKHIDMATAN
AWAM**

1. Puan Chow Poh Kheng minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang patut dijalankan oleh Kerajaan bagi:

- (a) meninggikan mutu kecekapan efficiency) dalam Perkhidmatan Awam di semua peringkat supaya rakyat Malaysia yang terdiri daripada berbilang kaum dapat menikmati hasil kecekapan dan keikhlasan khidmat daripada tiap-tiap Jabatan Kerajaan sepanjang masa; dan
- (b) memperbaiki daya-kerja (productivity) dalam Perkhidmatan Awam dengan kadar jumlah kakitangan yang ada sekarang.

Timbalan Perdana Menteri (Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mengambil dua langkah untuk meninggikan mutu kebolehan dan memperbaiki daya-kerja (productivity) dalam Perkhidmatan Awam.

Langkah pertama ialah dengan mengadakan berbagai-bagai rancangan latihan bagi pegawai-pegawai Kerajaan yang diatur sejajar dengan Dasar Latihan Negara yang mana ianya meliputi peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah. Di INTAN umpamanya semenjak tahun 1973 sebanyak 1,372 kursus telah diadakan dan jumlah peserta yang menghadirinya adalah seramai 25,117. Kursus-kursus yang dijalankan adalah

seperti kursus perkhidmatan, kewangan, pentadbiran pejabat serta penyeliaan, kursus pengurusan personnel, pimpinan, pengurusan asas, pengurusan lanjutan, diploma sains pengurusan, diploma analisa rangka, kursus asas PTD, kursus pengurusan pertanian, tanah, pembangunan wilayah, rancangan projek infrastruktur, pembangunan perindustrian, kursus pembangunan masyarakat dan perancangan sosial. Di sebalik kursus-kursus dalam negeri, latihan-latihan jangka pendek dan jangka panjang di luar negeri juga diadakan melalui Jabatan Kerajaan Persekutuan dan bantuan-bantuan negara asing serta badan-badan antarabangsa. Selain daripada latihan-latihan yang diaturkan secara pusat, pegawai-pegawai Kerajaan juga diberi latihan melalui rancangan-rancangan latihan Jabatan dan Kementerian.

Langkah kedua yang diambil ialah untuk mengkaji organisasi dan kebolehan jabatan-jabatan untuk menyampaikan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat.

Antara usaha-usaha yang telah dibuat adalah seperti berikut:

- (1) Penubuhan Yunit Pemodenan Tadbiran dan Rancangan Tenaga Manusia di Jabatan Perdana Menteri dikenalkan dengan nama ringkas UPPM untuk mengkaji sistem pentadbiran di peringkat pusat, negeri dan daerah;
- (2) Penubuhan Pusat Rekod Kakitangan di Jabatan Perkhidmatan Awam yang menggunakan komputer untuk membolehkan perancangan tenaga manusia;
- (3) Penubuhan Pusat Komputer Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri untuk mengawasi pelaksanaan projek-projek pembangunan;

- (4) Memperketatkan serta memperkemaskan peraturan-peraturan disiplin di dalam Perkhidmatan Awam;
- (5) Memupuk nilai-nilai positif di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan umpamanya melalui penerbitan Buku Etika dalam Perkhidmatan Awam dan sebagainya.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di Pertua, sungguhpun beberapa kursus dan langkah-langkah yang mustahak telah diambil untuk membaiki kecekapan dan perkhidmatan di Perkhidmatan Awam tetapi satu hakikat yang tidak boleh dinafikan oleh sesiapa pun ialah masih terdapat sebahagian pegawai-pegawai khasnya di peringkat daerah di mana kita dapati ada sebahagian pegawai yang bersikap sebagai Tuan Besar bila mereka melayani.....

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahannya apa?

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan saya ialah.....

Tuan Yang di-Pertua: Nanti, duduk dahulu! Sudah mula preamble sedikit itu sudahlah, lepas itu teruskan soalan tambahan, jangan hendak bersyarah. Berapa kali saya hendak ingatkan?

Tuan Chan Teck Chan: Ya, terima kasih. Saya susah hendak bertanya tanpa memberikan penjelasan dahulu.

Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri supaya Pegawai-pegawai Daerah boleh diorientasikan sikapnya supaya mereka boleh menjadi seorang pegawai yang 'people orientated'?

Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita mengadakan kursus dan latihan dan sebagainya kadang-kadang terjadi juga mereka-mereka yang kasar dalam layanan mereka terhadap rakyat. Ini adalah soal peribadi orang-orang ini dan kita tidak dapat menentukan bahawa ini tidak akan berlaku melainkan kita mendapat laporan tertentu berkenaan dengan kes-kes ini. Jika Ahli Yang Berhormat berjumpa dengan pegawai-pegawai yang sedemikian, saya meminta supaya dianya

melaporkan kepada pihak Kerajaan dan kita akan cuba mengambil tindakan.

Dr. Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berkenaan langkah-langkah yang disebutkan tadi. Adakah Kerajaan memberi kursus bagi pegawai-pegawai untuk berfikir dan boleh short-cut atau memotong semua red-tape berkenaan dengan birokrasi?

Kedua, terdapat pegawai-pegawai Kerajaan yang tidak cekap (inefficiency) sekarang ini, misalnya di Parlimen di mana kita nampak *Hansard* tidak sampai ke meja ini tiap-tiap hari, sebab Pejabat yang berkenaan tidak menyetujui nasihat-nasihat daripada Parliamentary Services Advisory Committee berkenaan dengan elauan untuk mereka bekerja lebih masa.....

Tuan Yang di-Pertua: Itu sudah lain sampai pergi ke elauan; ianya terkeluar daripada soalan asal.

Dr. Chen Man Hin: Tetapi itu termasuk juga.

Tuan Yang di-Pertua: Mana masuk, semua perkara boleh dimasukkan, tetapi soalan ini lain, yang membuat *Hansard* bukan pegawai Kerjaan tetapi pegawai Parlimen.

Dr. Chen Man Hin: Tetapi Kementerian tidak menyetujui laporan daripada PSAC untuk memberi elauan kepada semua kakitangan, apa sebabnya?

Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang melatih supaya pegawai-pegawai dapat memikir bagaimana mereka dapat mempercepatkan tugas mereka dan memuaskan hati rakyat yang mereka layani. Tetapi dalam pada itu bukanlah mudan kita mengajar orang-orang memikir maka mereka dapat memikir. Ahli Yang Berhormat daripada Parti Pembangkang juga sedar tidaklah begitu mudah untuk mengajar orang memikir.

Yang keduanya, kita telah mengadakan Yunit Pemodenan yang mana Yunit ini diberi tugas untuk membuat organisasi semula terhadap langkah-langkah yang perlu dibuat oleh seseorang pegawai untuk mem-

percepatkan lagi khidmatnya. Umpamanya, tiap-tiap satu kerja diuruskan mengikut satu work flow charge dan di dalam work flow charge ini ditentukan, apakah langkah-langkah yang perlu dibuat oleh seseorang pegawai. Dalam pada itu juga kita dapati bahawa ada langkah-langkah yang tidak diatur dengan secara lebih tertib dan usaha sekarang dijalankan supaya tiap-tiap satu kerja itu ditentukan, siapakah yang akan menjalankannya, apakah tindakan yang perlu diambilkan olehnya dan apakah jangka masa yang dianya perlu menyelesaikan masalah itu. Dan kita dapati setelah menyediakan langkah-langkah yang lebih tersusun ini bahawa setengah-setengah kerja yang biasanya memakan masa 8 bulan, dapat dikurangkan sehingga 3 bulan, dan usaha ini masih diteruskan lagi oleh Kerajaan.

Berkenaan dengan masalah bayaran elaun kepada mana-mana pihak, Kerajaan memang mengkaji dengan teliti semua permohonan seperti ini, kita ada cara-cara untuk menyelesaikan masalah, malangnya masalah seseorang pegawai Kerajaan tidak boleh dipisahkan sama sekali daripada masalah pegawai-pegawai yang lain. Sebenarnya pada masa sekarang ini ada tuntutan tidak kurang daripada 250 tuntutan daripada berbagai jenis pegawai yang meminta supaya berbagai jenis elaun dibayar. Pihak Kerajaan ingin membayar elaun, tetapi malangnya kalau sudah dimulakan dengan satu yang berbeza daripada amalan yang biasa, maka yang lain juga akan menuntut. Kalau kita sanggup membayar gaji berlebihan, kita dapat juga melayankan, tetapi sekali kita sanggup untuk satu orang, maka yang lain pula akan meminta dan ini akan menimbulkan masalah semula kepada Kerajaan.

Saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan tidak menolak cuma satu tuntutan daripada Parlimen ini sahaja. Kita telah menolak 200 lebih tuntutan kerana kita dapati bahawa asasnya tidak begitu memuaskan. Inilah sebabnya yang kita membuat keputusan yang sedemikian dan Kalau Ahli Yang Berhormat boleh menjamin bahawa tidak akan ada tuntutan daripada semua pegawai Kerajaan sebanyak 760,000 lagi, kalau kita melayankan satu tuntutan, saya sanggup memberi layanan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi Ahli Yang Berhormat dari Seremban janganlah harapkan *Hansard* pada paginya, lambat diterima, selagi tidak selesai perkara ini. Ahli Yang Berhormat dari Pontian.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, dalam memperkatakan kecekapan pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Awam, kita sedar bahawa pegawai yang cekap ialah pegawai yang boleh menyelesaikan masalah atau problem negara. Jadi adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedar bahawa sekarang di Malaysia kata-kata sedang didengar bahawa ada dua orang pegawai Kerajaan yang cekap, iaitu Encik Hassan bin Ibrahim dan Dato' Ishak Tadin. Dan apabila diteliti secara positif, adakah mereka itu bekerja lebih, mempunyai inisiatif yang lebih untuk menyelesaikan masalah ataupun adakah pegawai-pegawai lain tidak dapat bekerja mengikut arahan-arahan kita dalam menyelesaikan masalah dan bukan menimbulkan masalah. Jadi pertanyaan saya, adakah dua orang pegawai ini atau pegawai-pegawai lain dapat menjalankan tugasnya melebihi dengan apa yang diarahkan dalam General Order atau sebagainya.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, dalam mana-mana masyarakat kita dapati ada setengah orang lebih berjaya, ada setengah orang kurang berjaya; ada setengah yang lebih berdedikasi dan ada setengahnya yang kurang dedikasi. Dalam perkara ini, saya percaya bahawa kedua-dua mereka ini mungkin mempunyai minat yang lebih dan perasaan tanggungjawab terhadap kerja dan terhadap negara mereka, maka mereka sanggup berusaha walaupun dikedam hebat oleh setengah-setengah golongan.

MATLAMAT DASAREKONOMI BARU

2. **Tuan Cheong Tjong Kai** minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk memperbaiki ekonomi orang-orang bukan bumiputra di bawah Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang pernah saya tegaskan beberapa kali semasa menjawab beberapa soalan di Dewan ini, matlamat

Dasar Ekonomi Baru adalah untuk menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat. Dalam hubungan ini Dasar Ekonomi Baru bertujuan mengujudkan perpaduan negara dengan cara menyediakan peluang-peluang bagi semua golongan rakyat untuk menikmati faedah projek-projek pembangunan dan kemudahan yang telah diperuntukkan itu. Menyedari betapa perlunya kadar kemiskinan rakyat dikurangkan dan mewujudkan keseimbangan kaum dari segi ekonomi, Kerajaan telah memberi perhatian kepada program-program pembangunan terhadap kumpulan-kumpulan kemiskinan iaitu "target group".

Perlulah saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat dan juga pihak-pihak yang tidak memahami objektif Dasar Ekonomi Baru, supaya membaca dan memahami kandungan Dokumen Rancangan Malaysia Ketiga, khususnya dalam Bab I. Ini adalah satu langkah untuk mengelakkan kekeliruan yang ditimbulkan oleh pihak-pihak yang benar-benar tidak faham akan kandungan dan objektif Dasar Ekonomi Baru. Kekeliruan tersebut bukan sahaja memberi kesan yang buruk kepada rakyat tetapi juga kepada perpaduan negara.

Dalam usaha membasmi kemiskinan, Kerajaan tidak bercadang mengeluarkan "cash grant" kepada pihak yang terlibat, kerana ini tidak akan meningkatkan pendapatan mereka secara berkekalan. Kerajaan cuma akan cuba mengurangkan perbelanjaan golongan yang miskin dengan menyediakan kemudahan percuma untuk mereka. Di antara perkhidmatan yang diberi ialah persekolahan dan berbagai jenis latihan, rawatan perubatan, subsidi barang keperluan, perumahan yang murah, dan berbagai kemudahan lain. Nilai kemudahan yang diberi ini cuma dapat difaham apabila rakyat Malaysia berhijrah ke negara lain di mana belanja persekolahan dan rawatan perubatan boleh menjadi orang yang berpendapatan tinggi pun merana.

Adalah jelas dan terang di dalam Dasar Ekonomi Baru bahawa faedah daripada program-program yang disediakan oleh Kerajaan akan dinikmati oleh semua golongan rakyat tanpa mengira kaum. Oleh yang

demikian, Kerajaan tidak mempunyai perangkaan mengenai kemajuan yang telah dicapai dalam memperbaiki golongan rakyat khususnya mengikut kaum-kaum. Program-program yang dirancangan dan juga kemajuan-kemajuan yang telah dicapai di peringkat Persekutuan dan Negeri adalah menyeluruh tidak khusus kepada segolongan kaum sahaja. Umpamanya rancangan-rancangan pembangunan sektor perindustrian seperti mengadakan kemudahan infrastruktur yang lengkap dan pemberian insentif serta peluang pekerjaan adalah bertujuan memajukan sesuatu kawasan dan seterusnya meningkatkan taraf hidup penduduk kawasan tersebut. Polisi-polisi di bidang perindustrian seperti menyediakan bantuan kewangan, perkhidmatan perunding dan kemudahan-kemudahan latihan adalah diperuntukkan kepada semua rakyat. Melalui Jawatankuasa Pelaburan Asing, Kerajaan berusaha mengadakan penyusunan semula modal saham-saham syarikat supaya menjelang tahun 1990 rakyat Malaysia akan memiliki sekurang-kurangnya 70% daripada modal saham keseluruhannya. Di bidang-bidang pelajaran dan kesihatan kemudahan dan perkhidmatan yang berkenaan telah disediakan secara percuma bagi golongan rakyat yang berpendapatan kecil samada di bandar atau pun di luar bandar.

Sementara itu program-program yang bertujuan membasmi kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup rakyat keseluruhannya telah dan akan dijalankan oleh agensi-agensi berkenaan terutama di luar bandar seperti mengadakan bantuan dan kemudahan bagi meningkatkan daya pengeluaran pertanian.

Dalam hubungan ini penyediaan kemudahan-kemudahan asas seperti jalanraya bekalan elektrik dan air, perumahan kos rendah telah dan akan dipergiatkan untuk semua golongan rakyat miskin samada di kawasan bandar atau luar bandar.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Saya ucapkan terima kasih atas jaminan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengenai pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru tanpa mengira kaum. Di sini ada berbagai masalah yang dihadapi oleh masyarakat China sepertimana yang dicerminkan dalam 10

resolusi yang diluluskan oleh seminar ekonomi kaum China pada 9hb April tahun ini. Maka adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri akan menubuhkan satu Jawatankuasa Khas untuk mengkaji dan meninjau 10 resolusi yang diluluskan dalam seminar ekonomi baru-baru ini.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak terima keputusan itu dan saya tidak dapat menjawab bagaimana untuk melayaninya.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana mengikut Dasar Ekonomi Baru, tujuan Kerajaan ialah untuk membantu bumiputra maju dalam bidang perusahaan dan perdagangan dan tidak juga menghalang pihak bukan bumiputra untuk maju tetapi setakat ini nampaknya hakikat ataupun matlamat yang hendak kita tuji belum lagi tercapai. Soalan saya ialah adakah Kerajaan bercadang hendak membekukan bantuan untuk bukan bumiputra dan memberi lebih pertolongan kepada orang bumiputra supaya matlamat yang kita cita-citakan akan dapat tercapai.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya telah terangkan tadi usaha Kerajaan ialah untuk menolong semua kaum, terutama orang-orang yang miskin daripada berbagai kaum dan menolong memperseimbangkan kedudukan ekonomi antara kaum. Ini bermakna bahawa kalau kita membekukan pertolongan kepada bukan bumiputra, ini tidaklah bermakna semua kaum dan kita telah berjanji bahawa kita akan menolong semua kaum. Dalam pada itu tiap-tiap kali bumiputra ditolong, yang bukan bumiputra pun dapat juga menafaati, begitu juga apabila bukan bumiputra ditolong, bumiputra juga mendapat menafaati. Umpamanya, kalau kontrek dapat kepada bukan bumiputra, ada juga nikmat yang dirasakan oleh pekerja-pekerja bumiputra dan sebaliknya.

HARI THAIPUSAM SEBAGAI CUTI AWAM

3. **Tuan Chan Teck Chan** (di bawah S.O. 24 (2)) minta Perdana Menteri menyatakan samada pihak Kerajaan boleh menetapkan dua hari sebagai cuti awam Persekutuan bagi

setiap perayaan keagamaan, iaitu Hari Raya Puasa, Tahun Baru China, Deepavali dan Krismas sebagai satu tanda menunjuk betapa bertoleransi Kerajaan dan juga menunjuk Kerajaan melayani semua ugama dengan saksama oleh kerana perayaan ini kesemuanya dirayakan oleh semua kaum di Malaysia.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, semasa saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Damansara pada 1.11.78 mengenai Hari Thaipusam, saya telah menerangkan kenapa Kerajaan tidak dapat menyetujui cadangan menambah cuti am Persekutuan. Oleh itu, memandangkan soalan Ahli Yang Berhormat ini juga mengenai tambahan hari cuti am, saya tidak bercadang menambah apa-apa lagi atas jawapan saya pada 1.11.78 itu.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu lain dari yang kami minta. Soalan saya ialah minta ditambah satu hari Thaipusam tetapi soalan ini mengatakan minta ditambah satu hari Deepavali. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menimbang atau memberi satu hari tambah Deepavali sepertimana hari perayaan lain-lain bangsa yang ada mendapat dua hari?

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, kalau tak salah saya soalnya ialah samada hendak menambahkan hari cuti bagi Hari Raya Puasa, Tahun Baru China, Deepavali dan Krismas sebagai satu tanda menunjukkan betapa bertoleransi Kerajaan dan juga menunjukkan Kerajaan melayani semua ugama dengan saksama. Jawapan saya pada 1hb November, 1978 ialah bahawa oleh kerana sudah banyak hari cuti am di dalam negeri kita ini maka Kerajaan tidak dapat menimbang ataupun meluluskan permintaan untuk memberikan cuti kepada hari Thaipusam dan juga jawapan itu sama juga kepada permintaan dari Ahli Yang Berhormat itu. Oleh kerana sudah banyak sangat cuti am di negara ini maka tidak dapatlah kita hendak menimbang menambah lagi pada masa sekarang ini.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana kita semua sedia maklum

bahawa agama Islam adalah sebagai agama rasmi negara ini yang darjat dan kedudukannya adalah tinggi dalam negara ini. Oleh itu adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa toleransi dan tolak-ansur Kerajaan bagi menyamakan segala aktiviti dan perayaan keagamaan lain dalam negeri ini dengan agama Islam adalah satu percubaan awal bagi menyentuh kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi negara ini, lainlah kalau negeri itu negeri India. Jika sedar, apakah ketegasan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dalam kedudukan ini.

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir itu adalah pendapat Ahli Yang Berhormat itu. Soalan yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini ialah samada Kerajaan hendak menambahkan hari cuti am pada masa sekarang sama ada untuk menambahkan kepada Deepavali ataupun Krismas. Jawapan saya pada 1hb November ialah oleh kerana pada masa ini sudah begitu banyak hari yang telah diberikan sebagai hari cuti am, jikalau dibandingkan dengan negara-negara jiran kita, jadi Kerajaan tidaklah bersetuju untuk menambahkan lagi. Walaupun sudah diminta beberapa kali, tetapi jawapan saya, saya ingat sudahpun jelas.

MAS-SIA RUNDINGAN UDARA

4. **Dr. Chen Man Hin** minta Menteri Pengangkutan memberi sebab-sebab mengapa terdapat kebuntuan dalam perbincangan di antara pihak MAS dengan SIA untuk mengadakan suatu perjanjian dikaji semula dan samada beliau akan menggunakan jasanya untuk memecah kebuntuan ini dan bekerjasama dengan semangat persaudaraan serantau ASEAN.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, rundingan udara di antara Malaysia dengan Singapura telah diadakan sebanyak 6 kali. Perbekalan di dalam perjanjian udara di antara Malaysia dengan Singapura yang dibuat dalam tahun 1972 itu memberi peluang kepada dua belah pihak memperolehi pendapatan yang setimpal. Pihak Singapura telah meminta perjanjian dikaji semula dengan alasan bahawa perjanjian tersebut tidak memberi seimbangan pendapatan kepada Syarikat Penerbangan Singapura. Mengikut

pandangan Malaysia, perbezaan jumlah pendapatan di antara MAS dan SIA sekarang ini adalah disebabkan pihak Singapura tidak menggunakan dengan sepenuhnya hak-hak yang diperolehinya dalam perjanjian itu sedangkan MAS telah menggunakan hampir kesemua hak-haknya.

Satu daripada hak-hak yang tidak digunakan oleh Syarikat Penerbangan Singapura ialah hak kebebasan trafik kelima (fifth freedom), iaitu mengangkut penumpang-penumpang dari Kuala Lumpur ke lain-lain tempat di Timur Tengah, Eropah dan Timur Jauh. Jikalau Singapura menggunakan hak-hak ini maka tidaklah berlaku perbezaan pendapatan seperti yang dinyatakan oleh Singapura itu. Oleh kerana pihak Singapura bersetuju menyerahkan balik hak-hak kebebasan kelima yang tidak digunakannya itu, pihak Malaysia telah bersedia memberikan hak-hak baru kepada Singapura, iaitu pembukaan sektor Pulau Pinang-Singapura kepada SIA dengan bertujuan membetulkan perseimbangan hak dan pendapatan bagi kedua-dua syarikat penerbangan itu.

Masalah yang masih belum diselesaikan di perundingan yang keenam ialah mengenai jenis pesawat. Pihak Singapura mencadangkan supaya kegunaan pesawat dihadkan kepada jenis pesawat B. 727 atau B. 707 sahaja. Malaysia tidak dapat menerima cadangan ini kerana MAS tidak mempunyai pesawat B. 727 manakala pesawat B. 707 pula akan dijual dan digantikan dengan pesawat Airbus A300. Pihak Malaysia mencadangkan supaya dibenar menggunakan pesawat Airbus tetapi cadangan ini ditolak oleh Singapura di atas alasan bahawa SIA tidak mempunyai pesawat jenis itu.

Sebagai bertolak ansur pihak Malaysia bersetuju membenarkan SIA menggunakan pesawat-pesawatnya yang lebih besar daripada Airbus A300 seperti DC 10 dan B. 747. Cadangan ini juga ditolak oleh Singapura.

Di dalam rundingan keenam pihak perwakilan Malaysia telah terus berusaha bertolak ansur mencari penyelesaian dengan mencadangkan supaya kedua-dua syarikat Penerbangan diwajibkan had muatan penumpang terlebih dahulu di dalam mengadakan perkhidmatan di antara

Malaysia dan Singapura dan di dalam lingkungan batasan muatan itu pula kedua syarikat penerbangan hendaklah bebas memilih apa juga jenis pesawat yang hendak digunakan.

Cadangan dari perwakilan Malaysia itu adalah sedang dipertimbangkan oleh pihak Singapura dan akan dirundingkan pada peringkat yang ketujuh kelak. Dalam semua perundingan yang dijalankan selama ini dan akan datang, kita sentiasa berlandaskan semangat persaudaraan serantau ASEAN.

Tuan Mohd. Nakhate bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Seperti mana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan mengenai rundingan-rundingan yang diadakan, saya dapati banyak sekali tolak ansur Kerajaan Malaysia dalam rundingan-rundingan tersebut. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan mengenai butir-butir tolak ansur itu dan kepastian ianya tidak merugikan MAS?

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, memanglah dalam perundingan seperti ini terdapat tolak ansur, tetapi walau bagaimanapun kita sentiasa memerhatikan bahawa tolak ansur ini tidaklah boleh merugikan pihak MAS.

SUBSIDI KEPADA NELAYAN-NELAYAN

5. **Wan Zainab binti M. A. Bakar** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah beliau sedar bahawa penyelewengan pada masa ini berlaku di dalam pemberian subsidi-subsidi kepada nelayan-nelayan dan subsidi-subsidi tidak disalurkan melalui Persatuan-persatuan Nelayan dan mereka-mereka yang bukan ahli persatuan dan tidak layak telah pula diberikan subsidi, dan mengenai Persatuan Nelayan Tanjong Dawai pula, peruntukannya telah tidak digunakan langsung kerana tidak ada penyiasatan yang rapi; jika ya, apakah tindakan yang akan diambil.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, pemberian subsidi kepada nelayan-nelayan diselenggarakan oleh satu jawatankuasa tetap yang diketuai oleh Pengarah Perikanan Negeri dan dianggotai oleh MAJUIKAN, Persatuan Nelayan dan Bank Pertanian. Dengan adanya Jawatankuasa ini

penyelewengan tidak berlaku kerana semua permohonan-permohonan disiasat dengan rapi, dan hanya mereka yang memenuhi syarat-syarat sahaja yang diberi bantuan tersebut. Penerima itu mestilah ahli Persatuan Nelayan dan jika Persatuan Nelayan tidak ada barulah mereka diberi pertimbangan yang sewajarnya. Peruntukan modal pusingan \$112,000 dari MAJUIKAN untuk minyak disel telahpun dijalankan oleh Persatuan Nelayan Tanjong Dawai.

PENUNTUT-PENUNTUT DI UNIVERSITI-UNIVERSITI TEMPATAN

6. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah penuntut yang dimasukkan ke dalam Universiti-universiti tempatan dan jenis kursus-kursus yang diikuti oleh pelajar-pelajar ini dalam sesi akademik 1978/79.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Speaker, oleh kerana jawapan ini akan dikemukakan barangkali akan meliputi angka-angka yang panjang, jadi untuk menjimatkan masa dalam Dewan yang mulia ini, saya akan sampaikan jawapan ini kepada Yang Berhormat yang berkenaan.

HOSPITAL DAERAH PEKAN PENDANG

7. **Tuan Hashim bin Endut** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah sebuah Hospital Daerah yang telah dirancang sudah begitu lama akan dibina di Pekan Pendang di dalam Daerah Pendang di mana terdapat 100,000 penduduk tinggal di situ.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Jawan anak Empaling): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa tidak ada projek untuk membina sebuah Hospital di Pendang. Sebuah Pusat Kesihatan telah diluluskan untuk kawasan ini yang terletak hanya 18 batu dari Alor Setar dan 19 batu dari Yan.

Kementerian ini masih lagi dalam proses memperolehi tanah di Pendang. Pusat Kesihatan Besar ini akan dibina selepas sahaja proses pengambilan tanah selesai.

PEJABAT POS PADANG SERAI

8. **Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri

Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan samada beliau sedar bahawa Pejabat Pos Padang Serai tidak lagi sesuai untuk memberi perkhidmatan yang sempurna kepada penduduk di sana kerana bangunannya yang kecil dan kekurangan kakitangan untuk memberi perkhidmatan kepada bilangan penduduk yang kian bertambah di sana.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa Pejabat Pos di Padang Serai adalah sebuah bangunan lama yang perlu diganti. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pejabat-pejabat Pos di beberapa tempat lain juga adalah bangunan-bangunan yang lama yang perlu diganti. Jabatan Pos sememangnya telah dan sedang mengambil tindakan untuk menggantikan Pejabat-pejabat Pos yang lama ini. Tetapi tindakan ini adalah dibuat dengan secara berperingkat-peringkat dengan berdasarkan kepada 'priority'. Sementara menunggu penggantian Jabatan Pos telahpun mengambil tindakan untuk mengubahsuai dan memperbaiki Pejabat-pejabat Pos yang lama.

Bagi Pejabat Pos Padang Serai kaunter lama telahpun diganti dengan yang baru dan beberapa kaunter tambahan telah diadakan dalam tahun 1973 bagi menampung keperluan-keperluan yang bertambah itu. Apabila bahagian Pejabat yang kini diduduki oleh Jabatan Telekom itu dikosongkan bila Jabatan Telekom berpindah ke bangunannya yang baru maka ruang yang kosong itu akan diambilalih oleh Pejabat Pos dan ini akan menambahkan lagi ruang Pejabat Pos. Suka juga saya memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa 2 orang lagi kakitangan, seorang kerani dan seorang posmen telah dihantar ke Pejabat Pos Padang Serai dalam tahun 1978 ini. Dengan ini menjadikan jumlah kakitangan di Pejabat Pos Padang Serai kepada 12 orang semuanya iaitu 6 orang kerani dan 6 orang posmen. Pada pandangan Kementerian dan juga Ibu Pejabat Pos, jumlah kakitangan yang terdapat sekarang ini adalah mencukupi bagi memenuhi keperluan pada masa ini.

TALIPON DI LUAR BANDAR

9. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri

Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan samada beliau bercadang mengadakan lebih banyak talipon di luar bandar memandangkan bahawa inilah sahaja cara perhubungan antara kawasan-kawasan bandar dengan luar bandar.

Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang bercadang mengadakan lebih banyak talipon di luar bandar. Untuk makluman Yang Berhormat sudah banyak ibusawat talipon didirikan di kawasan luar bandar. Walaupun begitu kebanyakan daripada ibusawat-ibusawat ini perlu digantikan dengan peralatan baru dan Jabatan Telekom dalam Rancangan Malaysia Ketiga sedang rancak melaksanakan penukaran atau penggantian ibusawat-ibusawat tersebut dengan yang lebih moden dan tinggi keupayaannya. Talian-talian yang menghubungi ibusawat-ibusawat luar bandar dengan ibusawat-ibusawat di kawasan-kawasan bandar juga sedang diperkemas dan ditambah. Ini ialah untuk memudahkan hubungan kawasan bandar dengan luar bandar. Semua ibusawat-ibusawat talipon baru di luar bandar dilengkapi dengan kemudahan sambungjauh terus dail (STD) sebagaimana terdapat di bandar-bandar.

Kini sebanyak 379 ibusawat automatik telahpun dibina. Walau bagaimanapun masih terdapat sebanyak 11 buah lagi ibusawat beroperasi di Semenanjung Malaysia dan Sarawak. Adalah dijangka bahawa pada penghujung tahun 1979 hampir semua akan digantikan dengan ibusawat automatik. Selain daripada itu, pondok-pondok talipon juga didirikan untuk menyenangkan perhubungan orang ramai di kawasan luar bandar dan jumlah pondok-pondok sekarang ini ialah sebanyak 1,840.

Usaha bagi membanyakkan talipon di kawasan luar bandar akan terus dijalankan selaras dengan permintaan, sungguhpun terdapat beberapa kesulitan seperti mendapatkan tapak untuk bangunan ibusawat, stesyen-stesyen radio dan perbelanjaan yang tinggi bagi memasang dan menyelenggara talian-talian pelanggan di luar bandar.

Sukacita juga saya menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa perkhidmatan

talipon di kawasan luar bandar sebagai alat perhubungan yang terpenting sekali adalah diberi keutamaan yang tinggi oleh Kementerian saya.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di atas penerangan Timbalan Menteri saya ucapkan sebanyak terima kasih. Nampaknya banyak lagi talipon yang akan didirikan di luar bandar tetapi yang menjadi masalah dan soalan saya ialah apabila saya mengemukakan dan juga orang ramai mengemukakan permohonan talipon supaya dipasang di kampung-kampung atau di luar bandar, jawapan yang diberi oleh pegawai itu menyatakan alat-alat tidak cukup. Jadi soalan saya adakah benar jawapan pegawai yang mengatakan alat-alat tak cukup di negara kita sehingga ada permohonan selama dua tahun tak mendapat talipon.

Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, memanglah benar bahawa terdapat di beberapa kawasan terutama di kawasan luar bandar yang mana perkhidmatan talipon tidak boleh disambung ke tempat-tempat itu oleh kerana kekurangan alat-alat dan juga perkakas-perkakas yang tertentu. Suka saya menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian saya sedang mengambil tindakan bagi melaksanakan segala permintaan yang dikemukakan kepada Jabatan Telekom.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Sungguhpun banyak talipon awam telah dibina di luar bandar tetapi saya yakin Timbalan Menteri juga sedar bahawa banyak talipon awam telah disabotaj oleh anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu Dewan ini apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian beliau untuk memulihkan atau mengubah suai pondok talipon awam itu supaya ia tidak mudah disabotaj atau dirosakkan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab.

Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh menghapuskan seratus-peratus tindakan sabotaj oleh mana-mana pihak, hanya yang kita boleh tentukan ialah supaya tindakan-tindakan seperti itu dapat dikurangkan. Suka

saya menyatakan bahawa Kementerian saya akan menentukan bahawa pondok-pondok talipon awam ditempatkan di kawasan atau tempat-tempat di mana keselamatan pondok talipon itu dapat kita jaga dengan lebih ketat lagi.

PEMBORONG BUMIPUTRA

10. Wan Mohd. Najib bin Mohamad minta Menteri Kewangan menyatakan adakah beliau sedar tentang kegagalan pelaksanaan projek-projek oleh pemborong Bumiputra disebabkan oleh perlawanan sama sendiri untuk menawarkan harga yang lebih rendah tanpa memperhitungkan kemampuan dan kesanggupan menyiapkan kerja-kerja projek tersebut; jadi tidakkah boleh pihak berkenaan memilih pemborong, bukan saja semata-mata berdasarkan nilai yang rendah, tetapi utamakan dasar kesanggupan dan kemampuan pemborong-pemborong tersebut menjalankan kerjanya.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, mengikut dasar tender yang diikuti, anggaran harga sesuatu projek itu adalah disediakan oleh Jabatan-jabatan yang terlibat berasaskan kepada kiraan pasaran dan jika harga tawaran adalah lebih rendah daripada harga anggaran yang dibuat itu, pada kebiasaannya tawaran penender itu tidak diterima. Prestasi lepas serta pengalaman sesuatu kontraktor itu adalah menjadi satu batu uji tertentu bila menimbang sesuatu tawaran samada tawarannya itu boleh diterima atau tidak. Kemampuan serta kesanggupan dari segi kewangan juga adalah daripada faktor yang dititikberatkan. Ini adalah mustahak untuk menentukan supaya rancangan Kerajaan dijalankan dengan jayanya dan juga supaya wang Kerajaan tidak rugi bila sesuatu rancangan itu terbengkalai. Di sini adalah tidak benar untuk menyatakan bahawa penerimaan sesuatu tender itu ialah semata-mata berasaskan kepada harga tender yang terendah sekali.

KAKITANGAN SEKOLAH-SEKOLAH

11. Tuan Hussein bin Mahmood minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah syarat-syarat bagi sesebuah sekolah itu mendapatkan pegawai kerani, budak pejabat, pelayan makmal, tukang kebun, tukang sapu dan jaga.

Dato' Chan Slang Sun: Tuan Speaker, soalan ini meliputi atau menimbulkan jawapan yang akan dikemukakan adalah panjang dan banyak mengandungi angka-angka, maka silalah Ahli Yang Berhormat lihat dalam 'Lampiran A' seperti yang dibentangkan kepadanya.

ROMPAKAN BERSENJATA DI LAUT

12. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah langkah Kerajaan bagi mengelakkan pembajakan laut (rompakan bersenjata) di kawasan sempadan terutama di negeri-negeri pantai timur Semenanjung Malaysia. Butirkan sebarang persetujuan dengan negara-negara berkenaan dalam hal ini dan nyatakan jumlah tangkapan dan hukuman yang dikenakan dalam tempoh enam bulan yang pertama tahun 1978 ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat dari Bachok itu menyentuh dua (2) perkara; pertama mengenai langkah Kerajaan dan persetujuan dengan negara-negara jiran untuk mengelakkan rompakan di laut; dan keduanya mengenai jumlah tangkapan dan hukuman yang dikenakan dalam tempoh enam (6) bulan yang pertama tahun 1978.

- (i) Mengenai perkara pertama, langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi membendung dan mencegah rompakan di laut telah diberi dalam jawapan kepada soalan yang serupa pada 3hb November, 1978 di Dewan yang mulia ini. Saya tidak berhajat hendak menambah lagi.
- (ii) Bagi perkara kedua pula, sukalah saya nyatakan bahawa dalam tempoh 6 bulan tahun 1978 ini tidak ada rompakan dilaporkan berlaku di kawasan perairan negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Sebanyak 5 kes rompakan di laut dilaporkan berlaku berdekatan dengan Pulau Langkawi di mana 2 kes berlaku di dalam kawasan perairan Malaysia dan 3 kes lagi berlaku di kawasan perairan Thailand.

Dengan kerjasama pihak Polis Merin Thailand, sebanyak 2 buah daripada 3 buah bot yang dirampas oleh perompak-perompak

telah dapat dikesan dan dikembalikan kepada tuanpunya-tuanpunya bot-bot itu. Sebanyak 3 lagi rompakan dilaporkan berlaku di perairan Sabah.

Tidak ada tangkapan dilakukan berkaitan dengan rompakan di laut yang berlaku di kawasan perairan negara ini dalam tempoh masa tersebut.

Tuan Chan Teck Chan: Sungguh pun kegiatan rompakan bersenjata banyak berlaku di Pantai Timur, tetapi banyak juga berlaku di Selat Melaka khasnya dalam masa 3 tahun kebelakangan ini, maka adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri akan mengadakan satu rundingan yang lebih konkrit dengan negara-negara jiran kita supaya rondaan perairan antarabangsa boleh ditambah dan dihebatkan supaya keselamatan dan kehidupan kaum nelayan boleh dilindungi dan dijamin.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya telah nyatakan dalam jawapan saya pada 3 haribulan November yang lalu, maka semamangnya ialah perjanjian dan kerjasama yang rapat diadakan dengan negara-negara jiran khususnya dalam kawasan Selat Melaka di mana perjanjian dan kerjasama di antara negara Indonesia sememangnya ada dengan negara kita, iaitu Perjanjian Malindo yang telah dipersetujui beberapa tahun yang telah lalu. Perjanjian ini adalah berjalan dengan baik dan kerjasama yang rapat sentiasa didapati daripada pihak Indonesia dalam menjaga keselamatan perairan Selat Melaka dan begitu juga dalam lain-lain kawasan seumpamanya di Thailand di mana telah diterangkan dahulu bahawa satu kerjasama dalam bentuk kawasan rondaan bersama (co-ordinated patrol zone) dengan Pasukan Marine Thai telah diadakan bagi menjaga kawasan ini. Dan begitu juga kerjasama yang rapat di antara negara Malaysia dengan Singapura diadakan di dalam bentuk mutual co-operation atau pun kerjasama di antara kedua buah negara.

Tuan Chan Teck Chan: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa banyak kaum nelayan dari Melaka selalu mengadu bahawa mereka jarang nampak Pasukan Marine kita untuk meronda di kawasan di mana mereka menangkap ikan.

Jika beliau sedar, maka apakah tindakan akan diambil untuk menjaga keselamatan kaum nelayan kita?

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, saya tak dengar soalan tambahannya tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Cuba ulang semula.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan saya begini: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa banyak kaum nelayan negeri Melaka mengadu bahawa mereka jarang nampak Pasukan Marine kita meronda di kawasan di mana mereka selalu menangkap ikan di perairan antarabangsa atau di laut Selat Melaka?

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, nelayan tak nampak, adakah begitu?

Tuan Yang di-Pertua: Nelayan tak nampak bot-bot Marine Police. Maksudnya tidak ada perlindungan.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Memang ada rondaan dijalankan di seluruh pantai barat Semenanjung Malaysia.

Tuan Chan Teck Chan: Kaum nelayan jarang nampak. Tetapi kaum nelayan meminta supaya pasukan kita boleh menambah bilangan rondaan mereka ketika mereka menangkap ikan supaya mereka boleh diselamatkan daripada selalu diganggu oleh lanun-lanun di Selat Melaka.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Kementerian saya akan mengambil perhatian atas soalan ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PER- BEKALAN, 1979

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1979

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang

Undang-undang Perbekalan, 1979 dan Anggaran Pembangunan, 1979 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (20hb November, 1979).

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan* Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, hari ini Majlis menimbang Maksud B. 29 dan P. 29 di bawah Kementerian Pelajaran. Saya akan tamatkan perbahasan ini dan meminta Yang Berhormat Menteri menjawab tidak lewat daripada pukul 6.00 petang ini. Sekarang saya minta Yang Berhormat Menteri mengemukakan Anggaran Belanjawannya.

Maksud B. 29 (Jadual)—

Maksud P. 29 (Anggaran Pembangunan, 1979)—

3.22 ptg.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa Hitam): Tuan Pengerusi, saya ingin membentangkan Anggaran Belanja Mengurus dan Anggaran Belanja Pembangunan Kementerian Pelajaran berjumlah sebanyak \$2,363,366,660 bagi tahun 1979 dan mencadangkan supaya peruntukan yang berikut diluluskan:

(a) *Anggaran Belanja Mengurus*

Maksud Bekalan 29 Kementerian \$1,941,593,400
Pelajaran

(b) *Anggaran Pembangunan*

Maksud Pemba- Kementerian \$421,773,260
ngunan 29 Pelajaran

Tuan Pengerusi, bagi tahun 1978, peruntukan Belanja Mengurus yang telah diluluskan bagi Kementerian Pelajaran ialah \$1,726,398,300. Keperluan tahun 1979 pula adalah bertambah sebanyak \$215,195,100 atau 12.4% melebihi peruntukan tahun 1978. Bagi peruntukan Pembangunan pula, untuk tahun 1978 Kementerian Pelajaran telah diberi peruntukan yang dipinda sebanyak \$361,682,871 dan peruntukan yang diperlukan bagi tahun 1979 adalah \$421,773,260 iaitu bertambah sebanyak \$62,203,840 atau 17.19% melebihi peruntukan tahun 1978.

Tuan Pengerusi, untuk mencapai tujuannya dengan lebih berkesan lagi, mulai tahun 1979 aktiviti-aktiviti Kementerian Pelajaran telah dirangka semula dan akan diusahakan melalui lapan buah program dengan tujuan-tujuan yang tertentu. Sesuai dengan dasar pelajaran untuk menggabungkan sistem pelajaran di Sabah dan Sarawak dengan Sistem Pelajaran Kebangsaan aktiviti-aktiviti pelajaran di negeri-negeri tersebut juga diselaraskan dan disusun semula di bawah 8 buah program tersebut.

Untuk makluman Dewan ini, Tuan Pengerusi, lapan program Kementerian ini ialah:

1. Pentadbiran Am;
2. Pelajaran Rendah dan Menengah;
3. Pelajaran Teknik dan Vokasional;
4. Latihan Guru;
5. Pelajaran Tinggi;
6. Kebajikan Penuntut-penuntut;
7. Pengendalian Peperiksaan;
8. Perancangan, Penyelidikan dan Penilaian Perancangan Pelajaran.

Program-program ini adalah meliputi tanggungjawab Kementerian Pelajaran keseluruhannya. Saya akan mengemukakan butir-butir keperluan belanjawan bagi Kementerian Pelajaran mengikut program yang telah ditetapkan.

1. Program Pentadbiran Am

Program ini adalah terdiri daripada aktiviti-aktiviti Pentadbiran Pelajaran di negeri-negeri, Pentadbiran Am, Pentadbiran Personnel, Pentadbiran Kewangan, Pembangunan dan Bekalan, Hal Ehwal Luar, Pendaftaran Guru dan Sekolah, Perkhidmatan Komputer dan Bantuan kepada Badan-badan Pelajaran dan lain-lain bantuan. Untuk memperbaiki pengurusan di peringkat negeri, Kementerian Pelajaran bersama-sama dengan agensi-agensi pusat sedang meneliti dan mengkaji semula organisasi pentadbiran di negeri-negeri. Adalah diharapkan penyusunan semula pentadbiran di negeri-negeri ini akan dapat dilaksanakan dalam tahun 1979. Aktiviti-aktiviti yang lain di bawah program

ini adalah aktiviti-aktiviti yang dijalankan di peringkat Kementerian.

Di bawah program yang sama Kementerian Pelajaran juga memberi bantuan kepada badan-badan yang berkaitan dengan bidang pelajaran untuk menggalakkan mereka memberi sumbangan terhadap objektif pelajaran.

Peruntukan Belanja Mengurus yang diperlukan untuk Program Pentadbiran Am bagi tahun 1979 ialah sebanyak \$74,169,010.

Dari segi perbelanjaan pembangunan, Program Pentadbiran Am memerlukan sejumlah \$1,030,000 bagi tahun 1979 untuk pembinaan Pejabat-pejabat Pelajaran Perak, Melaka dan Sarawak dan sebanyak \$4,000,000 untuk projek pembangunan percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Program Pelajaran Rendah dan Menengah

Program ini mengandungi Aktiviti-aktiviti Pelajaran Rendah, Pelajaran Menengah, Pelajaran Menengah Lanjutan, Pelajaran Khas, Sebaran Pendidikan dan Pengurusan Pelajaran Rendah dan Menengah.

Bagi tahun 1979 bilangan murid-murid di sekolah-sekolah rendah akan meningkat ke seramai 2,020,083 orang dan peruntukan yang diperlukan ialah keperluan yang terbesar sekali antara semua aktiviti-aktiviti yang lain, iaitu sebanyak \$592,502,150.

Untuk meninggikan lagi kesan pengajaran di sekolah-sekolah rendah perkhidmatan perpustakaan akan diperbaiki lagi dengan meneruskan projek pembekalan secara buku-buku bacaan tambahan dan kemudahan untuk perpustakaan di sekolah-sekolah di luar bandar terutama sekali.

Di dalam tahun 1979 bilangan murid-murid di sekolah-sekolah menengah akan meningkat ke seramai 1,037,540 orang dan peruntukan yang diperlukan ialah sebanyak \$460,816,270. Di antara sekolah-sekolah menengah, 19 buah daripadanya ialah Sekolah-sekolah Berasrama Penuh dan Menengah Sains yang diadakan khas untuk membantu anak-anak dari luar bandar yang kurang kemudahan-kemudahan persekolahan.

Selain daripada kegiatan-kegiatan di atas, program ini juga mengadakan peruntukan

untuk pelajaran menengah lanjutan bagi memperluaskan peluang pelajaran kepada mereka yang tidak berpeluang melanjutkan pelajaran menerusi sistem pelajaran biasa. Peruntukan juga diadakan untuk memberi bantuan kepada sekolah-sekolah yang diadakan khas untuk kanak-kanak cacat dan terencat akal. Di dalam tahun 1979 sejumlah \$600,000 akan diadakan untuk membina sebuah Sekolah Vokasional Kanak-kanak Pekak di Shah Alam, Selangor.

Tuan Pengerusi, Pendidikan Ugama Islam di Sekolah-sekolah Rendah telah menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan sepenuhnya sejak bulan Julai 1978 kecuali sebuah negeri. Mulai tahun 1977 pula, 11 buah Sekolah Menengah Ugama telah juga menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan sepenuhnya.

Oleh kerana Islam adalah ugama rasmi negara ini, maka adalah menjadi tanggungjawab Kementerian untuk menentukan bahawa pengajaran Ugama Islam di sekolah adalah disusun dengan rapi. Sukatan Pelajaran, kegiatan dakwah yang sihat serta latihan-latihan dalam perkhidmatan kepada guru-guru yang terlatih, adalah dijalankan sepanjang masa. Ini akan dapat menentukan taraf pelajaran ugama yang tinggi dan bermutu. Latihan-latihan juga sedang diberi kepada Guru-guru Ugama yang belum cukup kelayakan iktisas mereka.

Kemudahan-kemudahan asas di Sekolah-sekolah Menengah Ugama yang telah diambilalih oleh Kerajaan Pusat sedang dan terus akan diperbaiki supaya sekolah-sekolah ini lengkap bukan sahaja untuk keperluan pengajaran ugama tetapi juga bagi keperluan-keperluan matapelajaran lain seperti Sains dan Hisab.

Sebuah Maktab Perguruan Ugama telah-pun ditubuhkan dan maktab ini akan menampung keperluan Guru-guru Ugama bagi keseluruhan negara. Dengan pengembangan pelajaran Ugama di Sabah dan Sarawak maka keperluan Guru-guru Ugama terlatih adalah sangat-sangat penting dan Maktab Perguruan Ugama ini akan memainkan peranannya bagi menyediakan guru-guru yang diperlukan.

Sebagai tambahan kepada usaha-usaha untuk memperbaiki mutu pelajaran dan

pengajaran di sekolah-sekolah peruntukan sebanyak \$5,605,000 di bawah belanja mengurus adalah dipohon untuk mengadakan Perkhidmatan Sebaran Pendidikan. Perkhidmatan Sebaran Pendidikan telah dimulakan semenjak tahun 1972 dan adalah terdiri daripada Perkhidmatan TV Pendidikan, Radio Pendidikan dan Alat Pandang Dengar. Rancangan-rancangannya akan dipergiatkan lagi di dalam tahun 1979.

Di bawah belanja pembangunan peruntukan yang diperlukan untuk Pelajaran Rendah dan Menengah ialah sebanyak \$269,080,822 bagi tahun 1979. Dengan peruntukan ini adalah dijangka bahawa pelaksanaan projek-projek pembangunan Kementerian ini akan dapat berjalan dengan lebih pesatnya.

Pelajaran Rendah akan memerlukan peruntukan pembangunan sebanyak \$114,026,209. Tumpuan akan diberi kepada memperbaiki keadaan dan taraf sekolah-sekolah di luar bandar. Projek-projek yang akan dilaksanakan termasuklah pembinaan bilik-bilik darjah baru, tambahan dan gantian, serta juga kerja-kerja kecil seperti tandas, kantin dan lain-lainnya.

Pelajaran Menengah pula memerlukan sebanyak \$117,387,193 untuk menjalankan projek-projek pembangunannya. Projek-projek yang akan dijalankan termasuklah projek-projek baru dan sambungan bagi bilik darjah, bengkel seni perusahaan, makmal sains, bilik perpustakaan dan lain-lain kemudahan asas. Pada tahun 1979 juga Kementerian Pelajaran akan mula melaksanakan projek-projek pembangunan bagi Sekolah-sekolah Menengah Ugama yang telah diserahkan kepada Kerajaan Pusat iaitu untuk memperbaiki keadaan bilik darjah dan lain-lain kemudahan yang tidak mencukupi.

Kementerian Pelajaran telah memutuskan untuk mengadakan kemudahan-kemudahan asas bagi menjaga mutu pelajaran di kawasan luar bandar. Peruntukan sebanyak \$10,069,390 adalah diperlukan bagi pembinaan rumah-rumah guru di luar bandar, terutamanya di rancangan-rancangan FELDA. Sebanyak 991 buah rumah guru dari berbagai kelas akan dibina.

Sebanyak \$3,015,000 diperlukan untuk membiayai projek-projek Perkhidmatan

Sebaran Pendidikan pada tahun 1979. Sebahagian besar dari peruntukan ini adalah untuk membeli alat-alat bagi TV Pendidikan yang perlu diperengkapkan lagi di studionya di Kuala Lumpur dan pembelian peti-peti TV terutamanya di Sabah dan Sarawak.

Pelajaran Teknik dan Vokasional

Kementerian Pelajaran kini mempunyai 33 buah Sekolah-sekolah Teknik dan Vokasional di Semenanjung Malaysia. Bilangan murid dijangka meningkat ke 19,580 orang. Di dalam tahun 1979 sebanyak 17 buah Sekolah Vokasional akan diteruskan pembinaannya. Selain daripada itu projek-projek tambahan adalah juga dilaksanakan untuk sekolah-sekolah yang sedia ada. Peruntukan pembangunan yang diperlukan ialah sebanyak \$3,703,000. Negeri Sarawak memerlukan peruntukan pembangunan sebanyak itu untuk melengkapkan Sekolah-sekolah Menengah Vokasional di Kuching, Miri dan Sibu, dan Negeri Sabah pula memerlukan peruntukan sebanyak \$4,980,000 bagi pembinaan projek-projek tambahan di Sekolah Vokasional di Sandakan, Tawau, Keningau dan Labuan.

Kementerian Pelajaran juga menyediakan pelajaran Teknik dan Vokasional di peringkat diploma di bidang Kejuruteraan dan Perdagangan, iaitu melalui 2 buah Politeknik, sebuah di Ipoh dan sebuah lagi di Kuantan. Dari segi pembangunan sebanyak \$5,629,600 adalah diperlukan bagi meneruskan pembinaan projek-projek di Ipoh dan juga bagi meneruskan pelaksanaan Kompleks Politeknik baru di Kuantan.

Latihan Guru

Tuan Pengerusi, Rancangan Latihan Guru adalah terdiri dari 2 jenis iaitu:

Latihan asas 2 tahun sepenuh masa yang dijalankan di 19 buah Maktab Perguruan di Semenanjung Malaysia, 3 buah di negeri Sabah dan 3 buah lagi di negeri Sarawak. Dan 2 Kursus dalam perkhidmatan.

Pada tahun 1979 Kementerian Pelajaran akan terus berusaha untuk menyediakan guru-guru terlatih yang mencukupi untuk mengajar berbagai jenis matapelajaran di Sekolah-sekolah Rendah dan Sekolah-sekolah Menengah Rendah. Kementerian Pelajaran juga bertujuan untuk menambahkan

pengeluaran guru-guru terlatih khususnya bagi mengajar mata-mata pelajaran Ilmu Hisab, Sains, Teknik dan Vokasional. Di dalam menambahkan bilangan guru-guru terlatih, selain daripada memenuhi keperluan semasa tujuannya adalah juga untuk memenuhi keperluan tambahan guru apabila Kerajaan memutuskan untuk memperbaiki keadaan imbalan guru/murid di bilik darjah. Di dalam tahun 1979 bilangan guru-guru pelatih di Maktab-maktab akan meningkat ke 14,403 orang.

Seperti yang saya nyatakan sebentar tadi, kursus-kursus dalam perkhidmatan juga diadakan dan telah bertambah dengan pesatnya. Bilangan guru-guru yang akan mengikuti kursus dalam perkhidmatan di dalam tahun 1979 dijangka seramai 58,396 orang.

Kementerian Pelajaran juga akan terus berusaha untuk memperbaiki lagi kualiti guru-guru yang dilatihnya. Basiswa-basiswa akan diberi kepada pensyarah-pensyarah untuk melanjutkan pelajaran di universiti-universiti dan kursus-kursus singkat seperti Kursus Orientasi, Seminar dan Woksyop akan terus diadakan.

Di dalam tahun 1979 keutamaan akan diberi kepada usaha mengemaskan lagi pentadbiran latihan guru khasnya untuk melaksanakan 2 aktiviti yang penting iaitu:

- (1) Penyelarasan sistem latihan guru di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak; dan
- (2) Menyusun semula rancangan latihan di Maktab Perguruan.

Bagi Program Latihan Guru, Tuan Pengerusi, peruntukan belanja mengurus yang diperlukan ialah sebanyak \$70,933,690.

Peruntukan yang diperlukan bagi belanja pembangunan ialah sebanyak \$34,578,439. \$10,414,000 akan diperlukan untuk menyiapkan pembinaan maktab-maktab di Kuala Trengganu, Kuantan, Ipoh dan Sungei Petani. \$18,114,439 adalah diperlukan bagi melaksanakan projek-projek tambahan yang akan diteruskan perlaksanaannya pada tahun 1979. Di negeri-negeri Sabah dan Sarawak sebanyak \$6,050,000 akan dibelanjakan bagi maktab baru di Miri dan bagi menyambung

perlaksanaan projek tambahan kepada Maktab Perguruan Sandakan, Gaya dan Kent di Tuaran.

Pelajaran Tinggi

Tuan Pengerusi, usaha-usaha untuk mencapai dasar-dasar Kerajaan mengenai pelajaran tinggi akan terus dipergiatkan lagi di dalam tahun 1979. Keperluan peruntukan mengurus untuk tahun 1979 mengikut institusi pelajaran tinggi adalah seperti berikut:

Universiti Malaya	\$ 53,012,000
Universiti Teknologi	16,043,000
Hospital Universiti	28,927,000
Universiti Kebangsaan	35,400,000
Universiti Sains	28,067,000
Universiti Pertanian	32,114,000
Institut Teknologi MARA	41,279,500
Kolej Tunku Abdul Rahman	4,200,000
Jumlah	\$239,042,500

Bagi keperluan pembangunan pula peruntukan sebanyak \$89,117,100 adalah dipohonkan untuk tahun 1979, iaitu seperti berikut:

Universiti Malaya	\$ 1,800,000
Universiti Teknologi	23,726,010
Universiti Kebangsaan	46,800,000
Universiti Sains	1,991,090
Universiti Pertanian	18,844,211
Institut Teknologi MARA	11,500,010
Jumlah	\$104,661,311

Universiti Sains Malaysia akan terus menyediakan keperluan fizikal untuk tujuan pengajaran dan penyelidikan di Kampus Minden dan di Stesyen Luar Muka Head, Pulau Pinang. Untuk Universiti Pertanian pembangunan kampus tetap Cawangan Sarawak di Bintulu akan dipesatkan lagi bagi membolehkan kampus itu dibuka pada tahun 1983. Bagi Universiti Teknologi pada tahun 1979 di jangka kerja-kerja pembangunan peringkat awal seperti pembinaan bangunan pentadbiran dan asrama penuntut akan dapat dimulakan di Johor Bahru. Untuk Institut Teknologi MARA pula adalah di jangka sebahagian besar dari projek-projek pembangunannya sama ada di Kampus Shah Alam atau kampus-kampus cawangannya yang telah dimulakan dalam tahun 1978 akan dapat disiapkan di dalam tahun 1979.

Kebajikan Penuntut-penuntut

Tuan Pengerusi, sesuai dengan dasar dan usaha Kerajaan untuk membolehkan rakyat yang tidak berkemampuan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti, maka Kementerian ini telah mempergiatkan lagi sekim-sekim bantuannya. Melalui sekim ini penuntut-penuntut terutamanya dari kawasan luar bandar yang tidak mampu meneruskan pelajaran, adalah dibantu dengan biasiswa dan kemudahan-kemudahan lain supaya keperluan asas persekolahan mereka seperti membeli buku dan pakaian tidak lagi menjadi suatu masalah besar yang membebankan ibubapa mereka. Basiswa-basiswa ini diberi bermula dari Tingkatan I di Sekolah Menengah sehinggalah ke Tingkatan VI. Pemberian biasiswa di peringkat universiti adalah untuk menampung keperluan tenaga pengajar mahir yang kian bertambah dalam bidang pelajaran yang diajar di sekolah-sekolah dan maktab perguruan.

Hadiah-hadiah latihan untuk Ijazah Pertama dan Lanjutan pula adalah ditadbirkan di bawah suatu sekim Latihan Pegawai-pegawai Perkhidmatan Pelajaran untuk membolehkan guru-guru dan pegawai-pegawai pelajaran menjalani kursus-kursus professional di peringkat yang lebih tinggi. Kursus ini adalah bertujuan memperbaiki mutu pengajaran dan khidmat mereka sebagai pegawai-pegawai dan pentadbir pelajaran dengan harapan sistem pelajaran yang wujud sekarang akan dapat dimajukan dengan lebih baik lagi.

Di samping itu, Kementerian Pelajaran juga ada mengendalikan beberapa biasiswa untuk siswazah-siswazah Indonesia yang mengikuti kursus-kursus ijazah lanjutan di universiti-universiti tempatan di Malaysia dan juga siswazah-siswazah dari negara-negara Commonwealth bertujuan mengeratkan lagi tali persahabatan di antara negara kita dengan negara-negara berkenaan itu. Penuntut-penuntut kita juga menerima beberapa biasiswa anjuran negara-negara Commonwealth untuk menuntut di seberang laut.

Dalam tahun 1978 peruntukan bagi rancangan-rancangan Basiswa, Dermasiswa dan Hadiah Latihan ini berjumlah \$50 juta dan peruntukan yang diperlukan bagi tahun 1979 ialah sebanyak \$62.5 juta. Peruntukan

berlebihan ini adalah untuk membiayai lebih banyak lagi bantuan-bantuan baru dalam tahun 1979.

Sekim Pinjaman Buku Teks akan melangkah ke tahun yang ke 5 perlaksanaannya dan Kerajaan adalah berpuashati bahawa sekim ini telah memberi faedah yang besar kepada rakyat khususnya kepada mereka yang berpendapatan rendah, dan Kementerian Pelajaran bercadang untuk menambahkan peruntukan bagi sekim ini. Peruntukan yang diperlukan bagi tahun 1979 ialah sebanyak \$60,000,000.

Kementerian Pelajaran juga memberi bantuan makanan kepada murid-murid miskin. Di dalam tahun 1978 rancangan bantuan makanan telah dijalankan di 46 buah daerah yang melibatkan 3,711 buah sekolah dan lebihkurang 400,000 orang murid. Mulai tahun 1979 rancangan makanan tambahan ini akan diperluaskan berperingkat-peringkat dan 7 buah daerah baru akan turut serta. Peruntukan yang diperlukan ialah \$17,000,000.

Jumlah asrama yang dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Pelajaran sekarang ialah sebanyak 174 buah. Peruntukan mengurus yang diperlukan ialah sebanyak \$19,589,000 untuk memberi bantuan makanan dan lain-lain bantuan kepada asrama-asrama. Untuk pembinaan asrama-asrama tambahan sejumlah \$12,017,030 adalah diperlukan di dalam tahun 1979 di bawah belanja pembangunan.

Berbagai kemudahan kebajikan penuntut-penuntut kita di luar negeri juga diselenggarakan oleh Kementerian Pelajaran. Pada masa ini ada 6 buah Jabatan Penuntut Malaysia di Luar Negeri iaitu di United Kingdom, Australia, Indonesia, New Zealand, India dan Amerika Syarikat dan 34 buah Pusat-pusat Penuntut di 12 buah negeri. Peruntukan mengurus yang diperlukan untuk tahun 1979 ialah sebanyak \$7,096,100.

Di bawah belanja pembangunan pula, sebanyak \$1,193,078 adalah diperlukan. Projek-projek itu adalah untuk meneruskan projek-projek mengubahsuaikan Pusat Penuntut Malaysia di London, bagi pembelian alat-alat kelengkapan di Pusat Penuntut Jakarta dan bagi pembinaan Asrama Putri di Kaherah.

Pengendalian Peperiksaan

Tuan Pengerusi, mengikut kehendak Akta Pelajaran 1961 Lembaga Peperiksaan adalah bertanggungjawab ke atas pengurusan peperiksaan. Program ini dapat menilaikan hasil pembelajaran dan pengajaran di sekolah, menyediakan asas bagi pemilihan murid-murid untuk disalurkan ke peringkat-peringkat persekolahan, jurusan-jurusan pengajian dan jenis-jenis sekolah tertentu dan memperakukan taraf dan peringkat pencapaian pelajaran-pelajaran dalam bidang pengajian. Peruntukan yang disediakan untuk tahun 1978 ialah \$10,814,600. Pada tahun 1979 peperiksaan-peperiksaan yang dikelola dan ditadbirkan oleh Lembaga Peperiksaan akan melibatkan lebih daripada 1.3 juta calon dan pendapatan daripada pungutan bayaran peperiksaan dianggarkan di sekitar \$24.5 juta.

Tahun 1979 berupa tahun yang paling penting bagi Lembaga Peperiksaan kerana pada tahun ini Lembaga Peperiksaan menyempurnakan tugas-tugas dan tanggungjawab yang berat berikutan dengan pengambilalihan pengelolaan Peperiksaan MCE/SPM dari pihak Cambridge. Dalam hal ini Lembaga Peperiksaan telahpun mengambil langkah-langkah yang perlu untuk membolehkan menjalankan tugas itu dengan rapi, lincin dan berkesan.

Pada tahun 1979 selain dari menambahkan bilangan kakitangan di semua peringkat di Lembaga Peperiksaan serta menambahkan bilangan peperiksaan kertas-kertas jawapan dan pengawas pusat-pusat peperiksaan Lembaga juga akan mempergiatkan lagi bidang latihan kakitangannya. Di samping itu Lembaga Peperiksaan juga akan meluaskan lagi usaha-usahanya dalam bidang penyelidikan ujian bagi meninggikan lagi mutu kertas-kertas soalan khususnya dan keseluruhan pengurusan peperiksaan amnya.

Mulai tahun 1979 Peperiksaan Cambridge School Certificate di Sarawak akan digantikan dengan Peperiksaan MCE selaras dengan dasar pelajaran.

Perancangan, Penyelidikan dan Penilaian Perancangan Pelajaran

Tuan Pengerusi, Penyelidikan, perancangan dan penilaian segala kegiatan pelajaran adalah dijalankan melalui aktiviti-aktiviti

perancangan pelajaran, pengurusan kurikulum dan aktiviti naziran.

Kegiatan-kegiatan yang dijalankan di bawah aktiviti perancangan pelajaran adalah bentuk program-program jangka panjang dan jangka pendek. Dalam jenis pertama termasuklah projek-projek yang berterusan manakala jenis kedua, projek-projeknya muncul dari masa ke semasa bergantung kepada issue-issue dan perkembangan semasa. Selain daripada itu kegiatan perancangan pelajaran juga tertumpu kepada tugas-tugas perancangan, penilaian, penglibatan antarabangsa dan pengutipan, pengumpulan, memproses dan mengedarkan data-data pelajaran melalui sistem komputer.

Pembentukan kurikulum adalah terutamanya untuk mengatasi kelemahan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah, demi untuk meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran. Kegiatan-kegiatan penyelidikan dan penilaian adalah diperlukan supaya kurikulum yang dibentuk itu adalah sesuai dan selaras dengan matlamat pelajaran negara. Perkembangan Kurikulum pula melibatkan kegiatan-kegiatan perancangan, penyelidikan, perkembangan bahan-bahan untuk guru dan murid, penilaian bahan ini dan pelaksanaannya. Hampir semua projek-projek yang telah dimulakan di bawah aktiviti pengurusan kurikulum telahpun memasuki ke peringkat perkembangan bahan-bahan kurikulum atau pelaksanaan dan juga akan ke peringkat meneruskan atau memulakan penilaian bahan-bahan di sekolah-sekolah percubaan.

Tuan Pengerusi, Aktiviti Naziran memeriksa dan menilai pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah supaya taraf pelajaran dan pengajaran yang sempurna adalah terpelihara dan diperbaiki. Dengan tambahan sebanyak 34 orang Nazir lagi di dalam tahun 1979 jumlah bilangan Nazir akan menjadi 144 orang. Dengan penambahan ini lawatan ke sekolah-sekolah akan dijalankan dengan lebih pesat lagi. Aktiviti Nazir akan terus menumpukan perhatian kepada pemeriksaan sekolah-sekolah di luar bandar untuk tujuan mengurangkan jurang perbezaan dalam taraf pengajaran dan pembelajaran di antara sekolah-sekolah di bandar dan di luar bandar. Pemeriksaan juga

akan dijalankan di negeri-negeri Sabah dan Sarawak pada tahun 1979.

Tuan Pengerusi, Pecahan peruntukan yang diperlukan ada diperincikan dalam Buku Anggaran yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah No. 33 tahun 1978.

Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Anggaran Perbelanjaan bagi B. 29 dan P. 29 untuk Kementerian Pelajaran sekarang terbuka untuk perbahasan.

3.55 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk membawa satu Usul pindaan yang berbunyi seperti berikut:

Bahawa wang yang diperuntukkan bagi Kepala B. 29, Kod 1100 dalam Belanjawan Persekutuan 1979 (Kertas Perintah 33 Tahun 1978) ini dipotong sebanyak \$10.00 yang berkaitan dengan gaji Timbalan Menteri Pelajaran iaitu Ahli Yang Berhormat dari Bentong.

Tuan Pengerusi, menurut *Penyata Rasmi* yang bertarikh 25hb Oktober, 1978 ketika Timbalan Menteri Pelajaran menjawab satu soalan No. 12 dari Ahli Yang Berhormat dari Kluang yang berbunyi seperti berikut:

“Meminta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah bilangan sekolah rendah jenis kebangsaan yang telah dibina dari 1971 hingga sekarang dengan memberikan butir-butir lanjut mengenai setiap buah sekolah dan berapakah sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan China yang dibina dari sekarang hingga tahun 1980.”

Menurut *Penyata Rasmi*, Timbalan Menteri Pelajaran ada menjawab begini:

“Tuan Speaker, semenjak tahun 1971 Kementerian saya telah membina, menggantikan, menasabah dan memperelokkan keadaan sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China sejumlah 191 buah mengandungi 494 bilik darjah.

Di samping itu pula projek-projek kecil yang lain seperti kantin, pagar, tandas

moden dan sebagainya. Dari sekarang sehingga tahun 1980 lebih kurang 123 buah sekolah mengandungi 260 bilik darjah akan dicadangkan pembinaannya. Ini termasuk menambah, mengganti dan memperelok sekolah-sekolah yang sedia ada. Walau bagaimanapun bilangan sebenarnya yang dapat dibina bergantung kepada keupayaan faktor seperti tapak tanah, pengeluaran tender dan sebagainya.”

Bila Ahli Yang Berhormat dari Petaling mengemukakan soalan tambahan tentang berapakah bilangan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan yang sebenarnya dibina kerana katanya, jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran sengaja tidak mahu jawab pokok soalnya.

Menurut *Penyata Rasmi* Timbalan Menteri Pelajaran pun bangun, jawapannya seperti berikut:

“Tuan Speaker, saya tidak jawab soalan pokok di dalam jawapan saya itu ialah kerana tambahan setakat hari ini banyak keperluan daripada Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan China. Semua meminta untuk menambahkan bilik darjah sahaja. Jadi oleh sebab itulah kita menambahkan bilik-bilik darjah untuk keperluan mereka. Jadi dasar Kementerian Pelajaran pada hari ini ialah kita akan membina sekolah-sekolah menengah khasnya sekolah-sekolah menengah di luar bandar dan juga sekolah-sekolah rendah. Tetapi bergantung kepada keperluan.”

Tuan Pengerusi, apakah jawapan yang serupa ini? Nampaknya lain ditanya lain dijawab. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran kita tidak memahami Bahasa Malaysia yang simple ini sehingga beliau tidak dapat menangkap pengertian yang sebenarnya? Jika inilah kelayakannya maka beliau seharusnya meletakkan jawatannya sebagai seorang Timbalan Menteri dan sebagai seorang Ahli Parlimen.

Tetapi dari pemerhatian saya selama sebulan ini, saya dapati bahawa Timbalan Menteri Pelajaran boleh bertutur dalam bahasa yang sederhana. Kadang-kadang dengan suara yang lantang untuk menjawab berkenaan dengan soalan-soalan tentang pelajaran bukan aliran China. Tetapi apakah

sebabnya Timbalan Menteri Pelajaran tidak sanggup untuk menjawab soalan yang simple dan sangat jelas maknanya tersebut. Sebenarnya pada 1hb November ketika beliau menjawab satu soalan No. 7 saya, saya pun sekali lagi mendesak Timbalan Menteri Pelajaran memberitahu Dewan ini tentang bilangan sekolah rendah jenis kebangsaan yang dibina dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga.

Beliau berkata lagi bahawa soalan ini telah dijawab pada 25hb Oktober. Saya sekali lagi mendesak dan mengingatkan bahawa Dewan dan rakyat Malaysia adalah berhak untuk mengetahui kedudukan yang sebenarnya dan juga meminta beliau dan mengingatkannya, beliau adalah bertanggungjawab sepenuhnya menjawab soalan yang simple ini. Tetapi beliau masih enggan menjawab dengan berkata: Saya akan petek daripada *Penyata Rasmi Parlimen* bertarikh 1hb November.

Kalau tidak silap saya, saya telah jawab dalam soalan tambahan hari itu. Oleh kerana pemohon-pemohon daripada kawasan masing-masing tidak ada bahagian yang besar untuk membina sekolah-sekolah baru, oleh sebab itu kita cuma berikan bilik-bilik darjah tambahan untuk perkembangan sekolah masing-masing.

Ini sebabnya. Tuan Pengerusi, memang seseorang Menteri menurut Peraturan Mesyuarat 23 (4) adalah berhak, dengan diizinkan oleh Tuan Speaker, enggan menjawab sesuatu soalan yang berkaitan dengan faedah orang ramai. Tetapi nampaknya beliau tidak berbuat begini dan saya nampak soalan ini tidak ada langsung berkaitan dengan faedah orang ramai, sebenarnya ada berkaitan dengan faedah peribadinya sendiri.

Tuan Pengerusi, ketika saya sekali lagi meminta beliau menjawab maka saat itu Tuan Speaker pun berkata, saya petek daripada *Penyata Rasmi*: Itulah style Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab macam itu, silakan kalau ada hendak tambah lagi jawapannya. Maka ketika itu Timbalan Menteri Pelajaran pun bangun menjawab 'tidak'. Apakah style yang beliau itu menjawab soalan yang begitu simple, jikalau ini stylenya menjawab, maka saya terpaksa menyebut bahawa.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat menggunakan perkataan 'style' itu ialah cara dia bercakap dengan lemah-lembut itu stylenya. Jangan salah faham menganggap tidak betul sahaja.

Tuan Chan Teck Chan: Saya hanya petek daripada *Penyata Rasmi* Parlimen.

Tuan Pengerusi: Orang lain menjawab tidak macam style itu, dia lemah-lembut suaranya, nadanya yang berlainan.

Tuan Chan Teck Chan: Kerana ada tekanan mengenai style Yang Berhormat Timbalan Menteri itu digunakan. Kalaulah ini adalah stylenya bagi seorang Timbalan Menteri Pelajaran menjawab soalan yang begitu simple itu, maka saya terpaksa menyebut bahawa ini adalah style seorang Timbalan Menteri yang kejahilan terhadap tanggung jawab dan tugasnya terhadap Dewan ini khasnya dan juga terhadap Kementerian yang dipertanggungjawabkan.

Tuan Pengerusi, nampaknya Timbalan Menteri Pelajaran ini tidak dapat membezakan pengertian di antara perkataan membina dan mengganti atau memperelok dan juga tidak mampu membezakan apakah maknanya di antara bilangan sekolah dan bilangan bilik darjah.

Tuan Pengerusi, sebenarnya Dewan ini khasnya dan rakyat Malaysia amnya berhak untuk mengetahui bahawa apakah sebabnya Timbalan Menteri Pelajaran ini takut dan kuarir memberitahu Dewan dan rakyat Malaysia dengan cara terus-terang bahawa sejak tahun 1971 hingga sekarang serta dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ini pihak Kementerianya yang tidak membina satu unit pun Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan di seluruh Malaysia. Apakah salahnya terus-terang serupa ini diberikan untuk pengetahuan Dewan ini dan juga apakah sebabnya beliau takut dan kuarir menjawab secara terus-terang tentang soalan ini. Saya berharap supaya beliau nanti boleh memberitahu Dewan ini tentang sebab-musababnya.

Tuan Pengerusi, saya merasa kesal untuk melihat Malaysia ada mempunyai seorang Timbalan Menteri yang paling incompetent dan tidak layak dalam sejarah Malaysia

kerana dengan sikap dan kebolehan yang dipertunjukkan dalam menjawab satu soalan yang begitu simple ini, saya dan rakyat Malaysia amnya adalah merasa malu untuk melihat beliau masih begitu bersenang-lenang duduk di sana. Adakah beliau sedar bahawa dengan kejahilan dan incompetentnya, saya merasa ini adalah merupakan satu penghinaan yang terbesar terhadap Malaysia dan Dewan yang mulia ini. Jawapan yang diberikan oleh beliau pada 25hb Oktober dan 1hb November tahun ini bukan sahaja menunjukkan kejahilan dan incompetentnya tetapi juga menunjukkan beliau cuba misleading dan menipu Dewan ini khasnya dan rakyat Malaysia.....

Tuan Pengerusi: Tarik balik perkataan "menipu"—un-parliamentary.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Pengerusi, kalau ini un-parliamentary, saya akan menggunakan perkataan "memperdayakan."

Tuan Pengerusi: "Memperdayakan" pun saya tidak terima.

Tuan Chan Teck Chan: Saya akan menggunakan perkataan "misleading".

Tuan Pengerusi: Misleading perkataan Inggeris.

Tuan Chan Teck Chan: Saya gunakan perkataan-perkataan "mempersonakan kenyataan orang ramai".

Dato' Chan Siang Sun: Saya minta tarik balik perkataan itu.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Pengerusi, kalaulah ini dianggap un-parliamentary, saya akan tarik balik dan menggantikan perkataan "untuk mempersonakan kenyataan orang ramai" khasnya dan rakyat Malaysia amnya tentang kedudukan perkembangan dan pembangunan Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China yang ada di Malaysia hari ini. Sebenarnya beliau bukanlah pertama kalinya untuk menunjukkan kejahilan terhadap tanggungjawab dan tugasnya sebagai seorang Timbalan Menteri Pelajaran, tetapi juga sudah berkali-kali membawa penghinaan terhadap negara kita tentang tindakan keanak-anakkannya. Umpamanya pada tahun

1977 beliau seolah-olah seorang pahlawan dalam mengetuai pemimpin-pemimpin Pemuda MCA kerana beliau adalah seorang Ketua Pemuda MCA Kebangsaan.....

Tuan Pengerusi: Ini apa ada hubungan dengan usul ini?

Tuan Chan Teck Chan: Ya, ada.

Tuan Pengerusi: Hanya boleh sebut berkenaan dengan jawatannya sahaja.

Tuan Chan Teck Chan: Ya, ada mengenai jawatannya. Untuk menemui seorang pegawai di peringkat Jabatan Pelajaran Negeri, katanya ini ialah untuk membereskan dan menyelesaikan beberapa masalah yang dihadapi oleh Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China.

Alamak! Apakah sebabnya seorang Timbalan Menteri Pelajaran sebagai seorang nombor 2 di Kementerian Pelajaran perlu pergi menjumpa seorang pegawai dari Jabatan Pelajaran yang berkedudukan mungkin nombor 12 atau 25 dalam Kementerianya untuk menyelesaikan perkara yang berkaitan dengan pentadbirannya? Apakah sebabnya beliau tidak boleh menggunakan jawatannya sebagai seorang Timbalan Menteri untuk mengarah dan 'order' pegawainya membetuli sesuatu penyelewengan yang didapati dalam pentadbirannya? Atau beliau adalah mengakui bahawa ia tidak berkuasa untuk memerintah atau mengarah, atau beliau hanya menjadi seorang Menteri Puppet sahaja dalam Kementerian Pelajaran? Tuan Pengerusi, ini adalah merupakan satu perkara dan tindakan yang sangat anih dan luar biasanya, juga adalah merupakan satu tindakan yang sangat-sangat memalukan Malaysia dan Dewan yang mulia ini khasnya.

Sebagai amaran dan ingatan terhadap Timbalan Menteri Pelajaran yang tidak menjalankan tanggungjawab dan tugasnya serta menunjukkan kejahilan dan incompetent terhadap Kementerian di bawah jagaannya, maka saya mencadangkan bahawa gaji Timbalan Menteri Pelajaran ini dipotong sebanyak \$10.

Kalau nasihat dan amaran ini tidak diperhatikan, mungkin potongan yang lebih besar akhirnya akan dicadangkan lagi.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, tadi saya telah tetapkan bahawa pada pukul 6.00 petang, tidak lewat dari itu, saya akan minta Yang Berhormat Menteri menjawab keseluruhan Maksud Bekalan 29 dan Pembangunan 29, dengan sebab itu saya benarkan hanya beberapa orang untuk bercakap dalam usul ini. Sekarang usul ini untuk perbahasan.

4.10 ptg.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali (Gerik): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk sama-sama membahaskan peruntukan yang telah dipohon oleh Kementerian Pelajaran. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas.....

Tuan Pengerusi: Nanti dahulu Yang Berhormat! Hanya boleh bercakap atas usul ini sahaja, usul yang sudah dibentangkan di meja Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, tidak boleh bahas yang lain, usul dari pihak Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Pengerusi, saya bangun untuk sama-sama membahaskan usul yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana telah memberikan perhatian yang begitu serius terhadap Dasar Pelajaran Kebangsaan. Peruntukan yang berjumlah lebih daripada \$2 billion merupakan peruntukan yang terbesar sekali diberikan kepada mana-mana Kementerian dalam Belanjawan kali ini dan saya yakin dan percaya dengan ketegasan dan pimpinan Yang Berhormat Menteri dan dengan kerjasama.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, inipun tidak kena. Membahaskan usul ini sahaja dahulu, lepas itu saya akan selesaikan usul ini, sudah diundi, baru terbuka kepada yang lain-lain.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Pengerusi, boleh saya sentuh sedikit berkenaan dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan untuk menunjukkan bahawa Timbalan Menteri yang berkenaan telah menjalankan kerja dengan begitu baik dan dedikasi.

Tuan Pengerusi: Cuba ucapkan bagaimana.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Sejak kita mencapai kemerdekaan, Tuan Pengerusi, pihak Kerajaan

Tuan Pengerusi: Nanti Yang Berhormat! saya beri penjelasan. Kalau sudah bercakap di sini—duduk dahulu! tidak dengar, kalau saya bercakap Yang Berhormat berdiri, lagipun dalam Peraturan Mesyuarat apabila Tuan Pengerusi bercakap, yang lain duduk dan diam, barulah boleh dengar.

Sesiapa yang dibenarkan bercakap pada masa usul ini, nanti apabila membincangkan yang lain boleh juga bercakap sekiranya ada masa—boleh juga, dalam Jawatankuasa boleh bercakap lagi selain daripada usul ini. Sekarang saya persilakan sesiapa yang hendak membahaskan usul ini dijemput.

4.12 ptg.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Pengerusi, sebagaimana kertas pemberitahu usul Tuan Chan Teck Chan yang mencadangkan bahawa wang yang diperuntukkan bagi Maksud B.29, Kod 1100 dalam Belanjawan Persekutuan 1979 (Kertas Perintah 73/78) ini dipotong sebanyak \$10 yang berkaitan dengan gaji Timbalan Menteri Pelajaran.

Untuk keterangan, Tuan Pengerusi, usul tidak tepat dan tidak jelas yang mana dua Timbalan Menteri di Kementerian Pelajaran ada di sini dan pada pendapat saya usul ini ditolak serta-merta.

Tuan Chan Teck Chan: (Bangun)

Tuan Pengerusi: Sabar! Yang memutuskan saya, bukan Ahli Yang Berhormat. Saya memutuskan bahawa oleh sebab kertas yang dibentangkan di sini pun tidak menyebutkan detil, iaitu sebagai vague juga maka usul ini begitulah rupanya. Jadi saya benarkan usul ini dibahaskan. Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah.

4.14 ptg.

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Tuan Pengerusi, saya rasa terkejut

apabila menerima usul daripada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Rasa saya kalau kita tinjau dari segi usul-usul yang seperti ini yang telah dibawa ke Dewan yang mulia ini, kalau tidak silap saya pada tahun-tahun yang sudah, di antaranya kepada Menteri Kesihatan dan juga pernah kepada Menteri Pengangkutan pada masa itu kerana sebab-sebab yang tertentu, maka segala hujjah-hujjah yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan tadi rasa saya jauh kalau hendak dibandingkan hujjah-hujjah dan sebab-sebab yang pernah dikemukakan oleh sahabat-sahabat beliau juga di dalam mengemukakan usul yang lebih kurang sama kepada Menteri-menteri yang disebutkan tadi kepada sidang Parlimen yang lepas.

Selain daripada perkara ini tidak begitu jelas sepertimana yang pernah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang tadi, saya merasai suatu perkara yang terdapat di sebalik usul ini kerana sepertimana kita tahu pihak Menteri atau Timbalan Menteri sepertimana juga yang diquote oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan tadi adalah berhak membuat jawapan atau sebaliknya ataupun membuat apa cara jawapan sekalipun mengenai sesuatu usul ataupun pertanyaan yang berkenaan di dalam Dewan ini. Kalau sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tidak mahu menjawab sekalipun maka rasa saya tidak menjadi salah atas hujjah jawab dan tidak jawab soalan.

Saya ingin bertanya kalau sekiranya soal lain yang hendak dikaitkan dengan soal pelajaran kenapa diberi kepada Timbalan Menteri yang ini, kenapa tidak kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran sendiri, kenapa tidak kepada Timbalan Menteri Pelajaran yang seorang lagi, saya tak tahu nombor satu yang mana, nombor dua yang mana, tidak juga disebut dalam hal ini.

Tuan Pengerusi, rasa saya soal yang tersirat di sebalik usul ini ialah bukannya soal ini tetapi ialah bahan-bahan yang cuba hendak dikutip mulai hari ini yang akan dipergunakan untuk tempat-tempat yang lain, mungkin di Dewan ini pada satu hari nanti bulan Disember ini ataupun di tempat-tempat lain, mungkin di Dewan ini pada satu hari nanti

bulan Disember ini ataupun di tempat-tempat lain kerana soal pelajaran ini adalah satu perkara yang sensitif kepada setengah-setengah masyarakat kita dan daripada satu usul yang demikian ini mungkin akan keluar sesuatu masalah yang tertentu, akan keluar sesuatu perkara yang tertentu atau akan keluar satu jawapan atau perbahasan yang tertentu dan ini akan dicapitalizekan nanti. Saya rasa tujuan usul ini tidak lebih daripada ini sahaja, dan kalau inilah kehendaknya tunggulah bila sampai masa yang berkenaan.

Dengan ringkasnya, Tuan Pengerusi, saya rasa usul ini tidak patut diterima langsung.

4.17 ptg.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Pengerusi, saya bangun menentang usul ini, sebab daripada penjelasan yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak ada kaitan dengan perbelanjaan tetapi adalah kaitan dengan masalah sekolah China. Jelas parti Pembangkang, khasnya parti DAP hendak capitalizekan masalah sekolah China ini untuk ditunjukkan kepada Timbalan Menteri yang sekaum dengan mereka.

Pada pendapat saya secara jujur dan ikhlas saya minta sekiranya Ahli Yang Berhormat itu betul jujur dan ikhlas pendiriannya terhadap Dasar Pelajaran Negara ini saya minta beliau menarik balik usul ini.

Tuan Fung Ket Wing (Sandakan): Tuan Pengerusi, saya sokong usul yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Pengerusi: Ini yang akhir, lepas ini saya akan minta Menteri menjawab.

4.18 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya menentang kuat usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka walaupun saya terakhir masuk tetapi apa yang saya dengar hujungnya berlawanan dengan perikemanusiaan. Satu hujjah yang dinyatakan oleh Wakil dari Kota Melaka tadi, setakat yang saya dengar, salah satu sebab selain daripada sebab-sebab lain apa yang telah dibentangkan, katanya mustahil sangat Timbalan Menteri orang nombor dua dalam

Kementerian Pelajaran datang berjumpa dengan orang bawah. Pada pendapat saya, kita hari ini kalau mengikut sejarah Islam sekalipun biasa Saidina Omar sebagai pemimpin, sebagai Khalifah, dia berjalan malam bukan setakat nampak orang yang ke 25.

Tuan Pengerusi: Mana Ahli Yang Berhormat itu tahu hal Saidina Omar ini semua? (*Ketawa*)

Tuan Shaari bin Jusoh: Kalau dia tidak tahu, saya beri dia tahu.

Tuan Pengerusi: Bukan di sini tempatnya.

Tuan Shaari bin Jusoh: Saya minta maaf. Jadi kalau dalam sejarah tidak boleh dikaitkan, saya bangkitkan sebagaimana contoh kita sebagai pemimpin masyarakat, sebaik-baik pemimpin masyarakat dia sanggup berjumpa dengan orang yang bawahnya walaupun sepangkat rakyat. Jadi alangkah pelik pada pendapat saya apa yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Yang saya dengar tadi salah satu sebab alasan katanya, saya bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Setapak tadi yang beliau bersetuju Timbalan Menteri yang sama dengan dia juga, barangkali ini ada satu sifat perasaan lain, barangkali sini tempat yang dibawa walhal \$10 itu bukan berat sangat, sebagai hendak memalukan Timbalan Menteri tetapi alasan yang diberikan tidak menasabah. Kalaulah alasan kerana berjumpa dengan orang bawah itu satu alasan berlawanan dengan sikap pemimpin, baik DAP atau Barisan Nasional, sebagai sifat pemimpin, jangan nanti hendak berjumpa orang atasan sahaja, orang di bawah tidak sanggup, sebaik-baik pemimpin kena sanggup bukan setakat 25, yang ke 100 pun kena sanggup. Saya ucapkan syabas kepada Timbalan Menteri, kalau inilah alasan yang diberi maka saya menentang sepenuhnya usul ini.

Tuan Pengerusi: Saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

Tuan P. Patto: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Saya tidak pernah melihat Ahli Yang Berhormat bangun. Jadi, saya sudah putuskan iaitu ini yang akhir tadi.

Tuan P. Patto: Yang Berhormat Menteri akan menjawab bukan?

Tuan Pengerusi: Dia yang berkenaan yang disebutkan. Kalau Ahli Yang Berhormat kena sebut tadi, ada peluang juga.

Tuan P. Patto: Ya, terima kasih.

4.21 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Pengerusi, saya cuma bercakap sedikit sahaja. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada sahabat-sahabat Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan confidence kepada saya dan berkenaan dengan usul yang dibentangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya ingat kalau tidak silap saya dalam hujah-hujah yang disampaikan kepada beliau itu pun sudah dijawab apa yang beliau bantangkan. Jadi, setakat ini sahaja, saya tidak mahu menjawab lebih lagi. Tetapi saya suka mengingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, semenjak tahun 1959 saya sudah menjadi Ahli Parlimen. Ini adalah Penggal Yang Kelima saya dalam Parlimen, tentulah saya mendapat sokongan dan confidence daripada kawasan saya, kalau tidak, takkan boleh sampai hari ini. Ahli Yang Berhormat itu cuma baru masuk Dewan sahaja, jadi saya ingat jangan mainkan demokrasi nakalisma kepada saya. (*Tepuk*) Oleh itu, jikalau saya hendak mainkan demokrasi nakalisma, saya pun ada jual juga.....

Tuan P. Patto: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Nanti! hendak apa ini? Di bawah Peraturan Mesyuarat 37 (1) (a) atau (b)?

Tuan P. Patto: Clarification.

Tuan Pengerusi: Clarification, hendak berjalankah?

Tuan P. Patto: Apa itu yang dikatakan nakalisma?

Dato' Chan Siang Sun: Nakalisma ialah ejaan baru (*Ketawa*). Jadi, saya bercakap setakat ini sahaja.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Menteri Pelajaran.

4.24 ptg.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa Hitam): Tuan Pengerusi, mengikut kebiasaan sistem demokrasi berparlimen, kalau seseorang Ahli Dewan Rakyat berasa tidak puas hati dari segi pentadbiran sesuatu Kementerian pada keseluruhannya ataupun butir-butir yang tertentu, satu daripada cara kita menunjukkan perasaan tidak puas hati ialah untuk mencadangkan sesuatu cadangan undi tidak percaya dengan memotong gaji seseorang Menteri itu sebanyak beberapa ringgit yang diukur perlu oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tetapi yang lebih penting lagi kita fahami ialah mengikut sistem demokarasi berparlimen juga, sistem ini bermakna bahawa pentadbiran Kerajaan kita dijalankan mengikut collective responsibility dan kalau kita hendak mengkritik sesuatu Kementerian pula, yang bertanggungjawab 100% kepada rakyat ataupun Dewan Rakyat yang mulia ini ialah Menteriya dan bukan Timbalannya, bukan pegawai-pegawainya ataupun sesiapa pun, tetapi Menteriya. Tetapi yang anih kita lihat di dalam cadangan ini ataupun usul ini ialah bahawa undi tidak percaya yang saya tafsirkan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu ditujukan kepada Timbalan Menteri, sungguhpun Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang, kalau tidak salah saya tadi, mengatakan tidak jelas, tetapi pada pendapat saya jelas.

Kita tahu tidak payah dinamakan pun kita tahu, siapa yang ditujukan berasas kepada ucapannya dan yang lebih penting lagi berasaskan bagaimana kita semua tahu taktik-taktik cara-cara berpolitik, cara-cara parti Pembangkang daripada DAP memainkan peranan di dalam Dewan Rakyat ataupun di luar, apabila mereka cuba mendapat sokongan. (*Tepuk*) Jelas sejelas-jelasnya.

Kalau hendak diundi tidak percaya patut potong gaji Menteri Pelajaran—bukan Timbalan Menteri—Menteri Pelajaran, dia terperangkap kepada sentimennya sendiri. (*Tepuk*) Kalau dia study betul-betul, dia lupa kalau dia pandai, katakan potong gaji Menteri Pelajaran, tetapi tujuan kritikal itu kepada Timbalan, tetapi begitu anthusiastic, kebiasaan mereka untuk memecahbelahkan

Kerajaan Barisan Nasional ini untuk mengisolatekan MCA kononnya kurang memperjuangkan pelajaran China dan ditujukan dengan tidak sengaja (unconscious), tetapi subconsciousnya ada, ditujukannya kepada ketua kita daripada MCA. (*Tepuk*) Dia sendiri pun menyebut Ketua MCA Pemuda, sungguhpun Tuan Pengerusi hendak cuba berhentikan tadi, terkeluar tembelangnya tadi bila disebutkan Ketua Pemuda MCA.

Saya sukalah menyatakan di sini bahawa kebiasaan Menteri-menteri di dalam Kerajaan Barisan Nasional ialah untuk bercakap lemah lembut. Kita tidak bongkak, kita tidak kasar, kita tidak arrogant. Dalam banyak-banyak Menteri dan Timbalan Menteri, kalau hendak cari contohlah dalam banyak-banyak, contoh itulah, Timbalan Menteri saya yang lemah, lembut (*Tepuk*). Jadi characteristic, personality arrogance, bongkak ini tidak ada di kalangan kita, kita tidak faham pun apa. Kalau di sebelah sana itu tidak tahulah (*Ketawa*), tiap-tiap kali bangun, wah! bukan main lagi bongkak dan bukan main lagi keras bercakap, maklumlah opposition, no responsibility dari segi pentadbiran boleh cakap. Jadi, saya tidak mahulah memanjangkan perbahasan ini oleh sebab ada perkara-perkara yang begitu penting lagi di dalam Kementerian Pelajaran yang harus kita mendapat di dalam Kerajaan feed back, mengetahui daripada kita hendak membahaskan soal ini. Cuma, saya sukalah dengan pendirian saya ini menolak dengan sekeras-kerasnya percubaan hendak mengundi tidak percaya kepada Timbalan Menteri saya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah, satu usul atas nama Yang Berhormat Tuan Chan Teck Chan yang berbunyi:

Bahawa wang yang diperuntukkan bagi Maksud B. 29, Kod 1100 dalam Belanjawan Persekutuan 1979, (Kertas Perintah 73/78) ini dipotong sebanyak \$10 yang berkaitan dengan gaji Timbalan Menteri Pelajaran.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang.....

Tuan Chan Teck Chan: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Pengerusi, saya ingin menjawab mengenai ulasan-ulasan, pandangan-pandangan yang diberi oleh sahabat-sahabat kita dari Barisan Nasional.....

Tuan Pengerusi: Lain kali hendak bangun lekas, jangan selepas saya mengemukakan usul.

Tuan Chan Teck Chan: Ya, saya ada bangun dua tiga kali sebut nama Tuan Pengerusi, tetapi Tuan Pengerusi tidak dengar.

Tuan Pengerusi: Saya benarkan sedikit sahaja, tidak boleh hujjah baru.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Pengerusi, saya perlu menjawab beberapa tuduhan-tuduhan yang tidak bertanggungjawab yang telah dilemparkan oleh Menteri Pelajaran, juga Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah dan Setapak.

Tuan Pengerusi, walaupun kita terdiri dari pihak Pembangkang, tetapi ini bukan bererti Parti Pembangkang hanya membantah, membangkang dengan membabi buta. Bila kita mengemukakan satu bantahan atau oposisi atau cadangan tentu kita akan memberikan fakta-fakta dan kenyataan-kenyataan yang berkenaan. Dalam usul pindaan saya, saya sangat jelas memberitahukan Dewan ini apakah sebabnya saya mencadangkan satu usul untuk memotong gaji \$10 yang berkaitan dengan Timbalan Menteri Pelajaran. Menurut *Penyata Rasmi Parlimen*, kalaulah Ahli Yang Berhormat.....

Tuan Pengerusi: Kalau hendak menggulung tidak bolehlah ulang balik apa yang sudah dicakap, hanya perkara-perkara untuk menjawab hujjah-hujjah orang sahaja yang boleh.

Tuan Chan Teck Chan: Tadi Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah dan Setapak mengatakan mereka tidak faham apakah usul yang sebenarnya. Saya harap kalaulah mereka itu ketika saya membentangkan usul saya, mereka masih mengantuk, bolehlah mereka membaca balik *Penyata Rasmi Parlimen* yang bertarikh 25 haribulan lalu, halaman 23 dan 24 sangat jelas yang saya nyatakan. Ini bukan satu usul pindaan yang berbau politik. Ini satu

usul yang sangat mustahak untuk memberitahu kepada tiap-tiap Ahli Yang Berhormat khasnya Menteri di Dewan bahawa seseorang Menteri, atau Timbalan Menteri dan juga Setiausaha Parlimen, bila menjawab satu soalan bagi pihak Menteri, perlulah mereka memberikan satu jawapan yang tepat yang berkaitan dengan soalan asal itu.

Tadi saya sudah memberitahu soal asalnya langsung tidak dijawab. Jawapan yang diberi tidak berkaitan dengan soalan asal. Saya sudah memberikan sekurang-kurangnya dua peluang untuk Timbalan Menteri Pelajaran memberitahu jawapan yang tepat. Kita bukan sewenang-wenangnya membawa satu usul untuk hendak mencari publisiti. Dari Penyata Rasmi pada 25hb Oktober dan 1hb November pihak Pembangkang telah memberi peluang sekurang-kurangnya 4 kali membolehkan Timbalan Menteri menjawab bagi pihak Menteri tetapi dia masih enggan melaksanakan dan menjalankan tugas dan tanggungjawabnya, baik terhadap Dewan ini ataupun terhadap rakyat Malaysia.

Tuan Pengerusi, tadi hujah-hujah yang dilemparkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah dan Setapak barulah hari ini saya nampak apakah belangnya yang sebenar mereka itu. Mereka hanya cuba hendak memutarbelitkan kenyataan yang saya berikan. Mereka tidak berasaskan pokok usul yang saya kemukakan tadi, pokok usul saya ialah berkaitan dengan tanggungjawab dan tugas seseorang Menteri ketika menjawab suatu soalan di dalam Dewan yang mulia ini. Kalaulah Dewan ini boleh dipermain-mainkan dengan memberikan satu soalan yang mungkin mendatangkan salahfaham atau misleading, apakah akibatnya?

Saya merasa kesal untuk mendengar bahawa tadi tuduhan-tuduhan yang dilemparkan oleh Menteri Pelajaran, memang usul ini sebenarnya perlu dituju kepada Menteri Pelajaran tetapi pada saat dua tiga kali bila soalan ini ditimbulkan, kebetulan Menteri Pelajaran tidak berada dalam Dewan ini mungkin dia tidak tahu apa yang sudah berlaku dalam Dewan ini, dan juga bila soalan ini dijawab adalah selalu dihadapi oleh Timbalan Menteri Pelajaran. Maka saya fikir adalah sesuai bagi saya untuk merujuk usul ini kepada Timbalan Menteri yang berkenaan

kerana dia bertanggungjawab memberikan jawapan yang tidak bertanggungjawab dan sudah misleading Dewan ini.

Akhirnya, saya tidak bersetuju bahawa saya takut untuk menghadapi Menteri Pelajaran. Tidak. Kalau Menteri Pelajaran berani membuat kenyataan yang serupa yang dibuat oleh Timbalan Menteri, mungkin saya akan membawa satu usul pindaan memotong gajinya \$100 bukan \$10. Apa yang saya takutkan ialah perasaan tanggungjawab, kebenaran dan kenyataan, bukanlah hanya di sini, membiarkan kita mengalami satu keadaan memperoleh maklumat atau pengetahuan yang tidak benar.

Di sini saya perlu mengingatkan Timbalan Menteri Pelajaran walaupun usul sepenuhnya sudah dibawa dan keputusan akan dibuat nanti, saya harap ini sebagai amaran kepada beliau, walaupun.....

Tuan Pengerusi: Itu tadi sudah diucapkan.

Tuan Chan Teck Chan: Walaupun dia sudah menjadi Ahli Dewan selama 5 penggal (term) tetapi ini bukan bererti dia ada mempunyai pengalaman dan kelayakan yang sewajarnya. Ini menunjukkan bagaimana incompetentnya walaupun dia sudah 5 penggal menjadi Ahli Parlimen.

Tuan Pengerusi: Nampaknya kalau saya biarkan, ia akan berpanjangan. Cukuplah duduk!

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Tuan Pengerusi: Sekarang usul mengenai Anggaran Perbelanjaan bagi Kementerian Pelajaran terbuka untuk dibahaskan.

4.35 ptg.

Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali (Gerik): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk sama membahaskan peruntukan yang telah dipohon oleh Kementerian Pelajaran. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana telah memberikan perhatian yang begitu serius terhadap Dasar Pelajaran Kebangsaan. Peruntukan yang berjumlah lebih daripada \$2 billion merupakan

peruntukan yang terbesar sekali diberikan kepada mana-mana Kementerian dalam Sidang Belanjawan kali ini dan saya yakin dan percaya dengan ketegasan dan kepimpinan Menteri itu dan dengan kerjasama dari kedua-dua Timbalan Menteri beliau itu dan semua pegawai-pegawai di Kementerian, maka Kementerian ini akan dapat memainkan peranan yang lebih positif ke arah pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan B. 29 Butiran 4100, Aktiviti (5) mengenai Pelajaran Tinggi.

Tuan Pengerusi, sejak kita mencapai kemerdekaan pihak Kerajaan kita telapun menubuhkan 5 buah universiti di negara kita ini. Hari ini kita boleh berbangga dengan Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan, Universiti Sains Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Pertanian Malaysia. Penubuhan kelima-lima buah universiti ini adalah selaras dengan inspirasi kebangsaan dan juga Dasar Ekonomi Baru, kerana kita sedar hasrat dan cita-cita Kerajaan di dalam Dasar Ekonomi Baru tidak akan tercapai selagi pihak bumiputra masih ketinggalan baik dari segi ekonomi mahupun pelajaran.

Hari ini umum sedia mengetahui bahawa bagi seseorang itu hendak maju di dalam kehidupan sehariannya, maka mereka mestilah mempunyai wang yang lebih untuk mendapatkan lebih banyak wang lagi atupun mereka boleh meningkat maju di bidang perniagaan dengan mempunyai pelajaran ataupun ijazah dari institusi pelajaran tinggi. Hari ini kalau kita tinjau di Kuala Lumpur kita akan dapat melihat bahawa kalangan profesional bumiputra yang terdiri dari doktor, arkitek, jurutera, juruodit, peguam dan juga executives di syarikat-syarikat yang besar sedang mengecap kehidupan yang lumayan dan jika dikaji semula kebanyakan dari mereka berasal dari kampung-kampung pendalaman di luar bandar. Untuk memberi gambaran yang lebih dekat berkenaan dengan perkara ini izinkan, saya, Tuan Pengerusi, untuk menceritakan kepada Dewan kisah yang benar-benar terjadi kepada ramai dari adik-adik kita di luar bandar.

Di dalam kawasan saya sahaja, banyak cerita-cerita yang menyayat hati telah berlaku

dan peristiwa inilah yang telah memberi perangsang dan semangat kepada adik-adik kita di luar bandar yang tidak pernah mengenal air paip, api letrik dan sebagainya. Kita sering mendengar bualan-bualan di kampung mengatakan anak Pak Leman itu sekarang ini menjadi Penolong Pegawai Daerah; anak Milah sudah menjadi guru berijazah dan sebagainya. Ada juga bualan-bualan mengatakan anak Pak Ali itu sungguhpun menjadi pelajar di universiti, bila musim cuti, beliau akan balik ke kampung pergi memotong getah, dan sebelah petang pula ke sawah dan di waktu malam memberi ceramah-ceramah pelajaran di dewan dan di surau. Ada pula yang menceritakan perihal Ramli yang lulus LCE dan telah pergi tinggal bersama dengan bapa saudaranya di Kuala Lumpur telah dapat masuk ke universiti. Tiap kali ia lulus beliau akan balik ke kampung untuk menemui ibunya yang tinggal bersama adiknya dan setiap kali beliau lulus, ibunya akan membuat kenduri aruah, sehinggalah apabila beliau lulus dengan B.A. Kepujian.

Perkara yang pertama terfikir oleh saudara Ramli ialah untuk balik ke kampung untuk memberitahu ibunya yang beliau telah lulus.

Setiba di kampung didapati ibunya tiada di rumah. Setelah puas ditanya, beliau diberitahu yang ibunya masih lagi berada di sawah, maka saudara Ramli pun berlari-lari pergi ke sawah untuk mendapatkan ibunya dan memberitahu ibunya yang beliau telah lulus. Dari jauh lagi saudara Ramli memanggil ibunya, "Mak". Ibunya pula menoleh dan beliau terlihat yang anaknya masih terlari-lari datang untuk mendapatkan beliau dan beliau sedia maklum bahawa anaknya datang untuk membawa berita yang baik.

Maka beliau pun berlari-lari untuk mendapatkan anaknya. Dari jauh lagi ibunya bertanya, "Li, kau lulus tak nak?" "Lulus mak", jawab Ramli. "Kau dapat kepujian tak nak". "Dapat mak", jawab Ramli. Maka siibu tadi pun terduduklah ditengah sawah. Anaknya datang dan dipeluknya ibunya dan kedua-duanya pun menangis. Mereka menangis kesukaan, kesukaan kerana kejayaan Dasar Pelajaran Kebangsaan.

Tuan Pengerusi, cerita ini bukan hanya berlaku di tempat saya, tetapi perkara

seumpama ini berlaku juga di kampung-kampung di seluruh pelusuk tanahair kita dari Perlis hingga ke Johor, Pahang, Trengganu, Kelantan hinggalah ke Sabah dan Sarawak. Hari ini kalau kita pergi ke kampung-kampung kita akan mendengar penduduk-penduduk luarbandar memuji-muji dasar pelajaran kita. Walaupun ada sekolah-sekolah rendah di luarbandar yang tidak mempunyai cukup bangku dan kerusi hingga ada murid-murid yang terpaksa duduk di atas tong minyak tanah, walaupun ada kelas-kelas yang terpaksa dijalankan di bawah pohon-pohon kayu, di dewan-dewan dan di surau-surau, tetapi rakyat luarbandar sungguh berpuas hati dengan dasar pelajaran kita. Kalau dahulu di tahun 1964 cuma 3 orang pelajar dari kawasan Grik berada di Universiti Malaya, tetapi hari ini ada berpuluh-puluh orang yang sedang mengikuti berbagai-bagai kursus di beberapa buah universiti. Kejayaan dasar pelajaran inilah yang akan menentukan kejayaan Dasar Ekonomi Baru. Kemenangan Barisan Nasional di dalam pilihanraya baru-baru ini bukanlah kerana dasar ekonominya yang telah dapat membela penduduk-penduduk di luar bandar sahaja, tetapi yang lebih penting ialah dasar pelajarannya yang telah dapat diterima oleh semua penduduk-penduduk di luar bandar. Oleh itu saya tidak teragak-agak untuk menyokong peruntukan yang telah diminta oleh Kementerian ini, malahan kalau perlu peruntukan seperti ini patutlah ditambah lagi semuga lebih ramai lagi anak-anak kita dari luarbandar akan dapat mengecap nikmat pelajaran tinggi.

Tuan Pengerusi, dalam perbahasan yang telah dijalankan, kita mendengar banyak desakan-desakan yang telah dibuat kepada Kerajaan untuk meninggikan taraf peratus kemasukkan pelajar-pelajar bukan bumiputra ke dalam universiti-universiti tempatan. Jika Kerajaan terpaksa mempertimbangkan desakan-desakan ini, maka sebarang pengurangan pengambilan pelajar-pelajar bumiputra di universiti-universiti ini, maka tempatnya mestilah digantikan dengan menghantar bilangan pelajar-pelajar yang sama ke institusi-institusi tinggi di luar negeri. Dalam kita memupuk sebuah negara yang bersatupadu, persoalan kewangan untuk mencapai matlamat perpaduan yang tersebut tidak harus dipertikaikan. Seterusnya, saya juga merayu agar pihak Kerajaan akan dapat

memperbanyakkan lagi biasiswa-biasiswa untuk membolehkan lebih ramai lagi pelajar-pelajar bumiputra terutama sekali mereka yang tinggal jauh di pedalaman, khususnya dari negeri Sabah dan Sarawak semoga dengan adanya lebih ramai penduduk-penduduk luarbandar yang lulus dari institusi pelajaran tinggi, matlamat Kerajaan berjiwa rakyat akan dapat dijalankan dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Pengerusi, izinkan saya menyentuh sedikit berkenaan dengan Maksud B. 29 Butiran 4100 Aktiviti (2)—Pelajaran Rendah dan Menengah.

Mengenai perkara ini kita berasa sungguh bertuah kerana sejak Kerajaan menjalankan Sekim Pinjaman Buku Teks yang menelan belanja \$49 million maka tidaklah lagi kedengaran rintihan dari penduduk-penduduk luarbandar berkenaan dengan kesulitan membeli buku anak-anak mereka di awal-awal tahun. Tetapi diperingkat perlaksanaannya masih banyak perkara yang perlu di atasi. Kadang kala ada sekolah-sekolah yang tidak dapat memberi buku teks ini kepada pelajar-pelajar mereka hinggalah kadangkala ke bulan April belum dapat dibereskan. Dengan itu saya berharap agar satu kajian yang menyeluruh mengenai kedudukan perkara ini dapat dijalankan dan semoga masalah buku teks tidak akan timbul lagi di masa-masa akan datang.

Akhir kata, saya suka melahirkan perasaan puashati saya berkenaan dengan Kementerian ini dan dengan segala senang hati menyokong permohonan peruntukan yang diminta oleh Kementerian ini.

4.45 ptg.

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Butiran 1100, Aktiviti (2)—Pelajaran Rendah dan Menengah.

Tuan Pengerusi, kita dapati bahawa Kementerian pada hari ini sedang menggedkan sekolah-sekolah rendah terutamanya di dalam proses penggedran ini maka guru-guru besar juga akan terlibat. Saya berharap bahawa apabila sekolah-sekolah ini digredkan dan guru-guru besar yang mengajar

sekolah-sekolah 'B' yang akan menjadi 'A' dan daripada 'C' akan menjadi 'B' tidak dipindahkan oleh sebab mereka itu dianggap tidak layak. Kerana, sebelum sekolah 'C' menjadi 'B' dan sebelum sekolah 'B' menjadi 'A', mereka ini selalunya dianggap layak. Begitu jugalah saya berharap supaya dalam langkah untuk mengelakkan perkara ini tidak berlaku, pihak Kementerian Pelajaran janglah menukarkan guru-guru yang berkenaan ini sebelum sekolah-sekolah ini digredkan. Kerana ini akan menjadi penukaran secara tidak langsung untuk mengelakkan mereka ini mendapati hak yang sepatutnya diberi kepada mereka apabila mereka ini menduduki sekolah yang lebih tinggi sedikit grednya daripada mereka sandang sekarang.

Seterusnya Butiran 1100, Aktiviti (4)—Latihan Guru. Saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Pelajaran supaya lebih membanyakkan latihan yang bertujuan untuk memberi bantuan khas kepada murid-murid yang lemah, terutama sekali hasil daripada peperiksaan Penilaian Darjah Tiga dan Penilaian Darjah Lima. Saya berterima kasih kepada Kerajaan pada hari ini usaha-usaha ini telah dijalankan dan saya harap perkara ini hendaklah diperkuat dan kalau boleh hendaklah ditambah supaya setiap sekolah diadakan seorang guru yang bertugas dalam pelajaran ini disamping guru-guru yang berkenaan ditugaskan juga di dalam mata-mata pelajaran yang lain.

Seterusnya mengenai Butiran 1100, Aktiviti (8)—Perancang, Penyelidik dan Penilaian Perancangan Pelajaran. Saya ingin menyentuh dalam bahagian ini, iaitu mencadangkan supaya pihak perancangan ini supaya melihat akan keadaan kesulitan yang dialami oleh murid-murid sekolah rendah. Misalnya kalau di sekolah Kebangsaan, Darjah Satu di antara lain-lain mata pelajaran diajar Bahasa Inggeris dan di samping itu diajar Bahasa Malaysia; manakala mata pelajaran Jawi diajar di peringkat Darjah II. Saya ingin mengemukakan bahawa tulisan Jawi ini hendaklah dimulakan dari Darjah I dan kalau perlu Bahasa Inggeris ini hendaklah dimulakan dari Darjah II atau III. Saya khuatir kerana rasa saya kalau kita terlalu banyak memberi bahan-bahan atau pelajaran kepada anak-anak kita yang berumur enam tahun lebih ini, saya takut seolah-olah yang

dikejar tidak dapat, yang dikandung bercirikan.

Saya harap pihak perancangan ini mengkaji dan menilai semula keadaan perkara ini dan begitu juga mata-mata pelajaran yang lain dan kalau perlu sekiranya didapati mata-mata pelajaran ini terlalu awal bagi anak-anak diperingkat sekolah rendah, umpamanya daripada darjah satu hingga tiga ini maka hendaklah kita sesuaikan ataupun seterusnya.

Dalam hal ini, iaitu Butiran 1100, Aktiviti 8 ini, saya ingin mencadangkan supaya diadakan pengkajian dan jika belum dibuat lagi, untuk mengadakan pelajaran moral. Pelajaran moral ini, kalau perlu diadakan sebagai satu mata pelajaran yang diperiksa bukan diajar sebagai pelajaran sivik atau tata rakyat yang mana tidak diperiksa. Kadang-kadang mata-mata pelajaran ini dijadikan matapelajaran guru besar untuk memenuhi masa 10 period seminggu yang berkenaan.

Jadi supaya matapelajaran moral ini kalau diterima diajar betul-betul dan dipelajari betul-betul maka ianya hendaklah dijadikan satu matapelajaran untuk peperiksaan di semua peringkat kerana kesan daripada pelajaran moral ini saya rasa tidak payah saya sebutkan di sini kerana kita di sini tiap-tiap hari, tiap-tiap bulan tidak ada perkara lain, soal dadah, soal itu dan soal ini, ini adalah soal moral.

Seterusnya, saya ingin menyentuh perkara Butiran 2800, muka surat 229, Aktiviti (2)—Pelajaran Rendah dan Menengah. Saya ingin membawa satu cadangan di sini iaitu sistem untuk meminta membaiki alat-alat sekolah ataupun sekolah sendiri hendaklah kita potong sedikit. Saya tidak tahu di tempat lain, tetapi di kawasan saya di Tanah Merah Kelantan umpamanya sekolah A Tanah Merah kerosakan sesuatu bahagian sekolah, maka proses yang pertama sekali yang mesti dibuat oleh Guru Besar yang berkenaan itu ialah kalau tidak silap saya memenuhi borang JKR 4, sesudah dipenuhi dan disiapkan borang JKR 4 ini maka borang ini dihantar ke Jabatan Pelajaran Kelantan bagi Tanah Merah dan Jabatan Pelajaran Kelantan ini boleh jadi disemak, diproses dan sebagainya, akan menghantar pula kepada Jabatan Kerjaraya Negeri Kelantan dan Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan ini akan menghantarkannya

pula borang ini kepada Jabatan Kerja Raya Daerah Tanah Merah maka daripada situlah bermula kerja-kerja on the ground. Saya tidak tahu adakah ini suatu kebiasaan kepada semua tempat lain dan saya harap ianya tidak, cuma perkara ini terdapat di kawasan saya di Tanah Merah. Jadi, kalaulah perkara ini menjadi amalan, saya mintalah supaya perkara ini kita potong sedikit red-tape iaitu Guru Besar di Sekolah Tanah Merah ini hantar terus kepada Jurutera Kerja JKR bagi Daerah Tanah Merah umpamanya dengan satu salinan kepada Jabatan Pelajaran dan satu salinan lagi kepada Jabatan JKR Negeri. Dan salinan-salinan ini boleh menolong mengelakkan supaya:

- (a) Menentukan bahawa pihak Jabatan Pelajaran mempunyai wang yang cukup bagi kerja-kerja yang berkenaan.
- (b) Borang yang pergi kepada Pengarah JKR Negeri ini boleh menentukan bahawa pihak JKR Daerah ini dapat kuasa (authority) daripada pihak JKR Negeri yang mana perkara ini adalah penting dalam pentadbiran kita pada hari ini.

Tuan Pengerusi, perkara seterusnya saya ingin sentuh mengenai P. 29, muka surat 236, Butiran 8—Rumah-rumah Guru Luar Bandar. Saya berterima kasih kerana Yang Berhormat Menteri tadi, kalau tidak silap saya telah, menyebut bahawa sepanjang tahun 1979 ini pihak Kementerian Pelajaran akan membina sebanyak 931 buah rumah guru-guru. Dan dalam hal ini saya minta supaya rumah-rumah guru ini akan ditentukan rumah-rumah guru luar bandar. Saya minta supaya (a) rumah guru di luar bandar ini hendaklah dasingkan kadar sewanya, syaratnya dan sebagainya berkenaan dengan rumah ini daripada sekolah-sekolah dalam bandar di dalam negeri yang sama. Umpamanya, rumah-rumah guru di Kota Bharu Kelantan hendaklah dibezakan dengan rumah-rumah guru di Gua Musang, Ulu Kelantan sama negeri tetapi dibezakan. Saya tidak sentuh masalah Tanah Merah kerana Tanah Merah ini daripada Kota Bharu tidak jauh. Dan begitu juga kalau boleh, rumah-rumah guru di luar bandar ini kita bagi percuma kepada guru-guru ini tetapi kalau

selalu bagi percuma mungkin Yang Berhormat Menteri akan menjawab tidak ada tanggungjawab, perkara yang diberi percuma ini tidak akan dapat tanggungjawab daripada pihak pengguna. Jika saya cadangkan supaya kita bagilah sewa nominal \$10 sebulan umpamanya ataupun \$3 sebulan, ada tanggungjawab supaya dia sains kontrek sedikit di atas \$5 atau \$10 sebulan ini supaya ada penyewanya dan ada orang Jabatan Pelajaran hendak memberi kunci kepada mereka itu.

Di bawah P. 29 juga, Butiran 9—Asrama. Saya mengharapkan supaya masalah asrama ini hendaklah dibanyakkan terutama sekali di luar bandar. Kerana kita yakin dan kita dapat bukti hari ini bahawa murid-murid yang menuntut di sekolah berasrama penuh seperti sekolah menengah sains dan juga sekolah-sekolah lain sama ada dalam peperiksaan SRP, LCE atau SPM mereka inilah yang selalu dapat 100% kelulusan dan mereka inilah yang selalu dapat kelulusan yang banyak dalam Gred I dan sebagainya. Jadi, saya rasa usaha-usaha hendaklah dibanyakkan dan sekurang-kurangnya tiap-tiap daerah kita dirikanlah sekolah-sekolah menengah penuh ini hendaklah dijadikan satu matlamat oleh Kementerian Pelajaran supaya tiap-tiap sekolah menengah penuh ini mempunyai asrama, kalau pun tidak untuk semua murid-murid ini hendaklah kita berikan kepada sebahagian besar murid-murid yang terpaksa berulang alik sampai 10 ataupun 15 batu sehari.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya ingin menyokong Belanjawan ini dan seperti mana yang disebutkan oleh saudara saya Ahli Yang Berhormat dari Gerik tadi, kalau perlu peruntukan boleh ditambah lagi bagi Kementerian yang penting ini.

4.56 ptg.

Puan Yong Fatimah binti Md. Razali (Kuala Kangsar): Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Anggaran Belanjawan Kementerian Pelajaran ini yang baharu sahaja dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada P. 29, Butiran 1, 2, 3, 7 dan 17 muka surat 236. Yang pertama Pelajaran Rendah. Tujuan aktiviti Pelajaran Rendah ialah untuk mengadakan penyelidikan asas peringkat rendah kepada kanak-kanak dalam tempoh 6 tahun untuk membolehkan mereka membaca dengan lebih berkesan lagi. Lengkapkan mereka untuk melanjutkan pelajaran peringkat sekolah menengah Kerajaan yang telah menyediakan peruntukan sebanyak \$592,502,190 bagi tahun 1979.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengesyorkan sekolah rendah sepatutnya mengadakan pendidikan asas sekurang-kurangnya kebolehan membaca, menulis dan mengira kerana masih lagi didapati sebilangan murid-murid yang tidak tahu membaca dan menulis. Pendek kata tidak mengenal huruf sama sekali. Adalah didapati mereka ini buta huruf sama sekali. Mereka ini masih lagi buta huruf hingga ke peringkat Tingkatan III. Ini bermakna selama 9 tahun bersekolah masih tidak memberi apa-apa kesan kepada mereka. Perkara ini adalah sangat menyedihkan dan merugikan usaha Kerajaan untuk meninggikan taraf pengajaran. Kerajaan telah memberikan pelajaran percuma (free education) kepada semua murid-murid hingga ke Tingkatan III dan juga bantuan buku teks kepada mereka yang berpendapatan rendah tetapi masih ada lagi kelemahan-kelemahan yang boleh dibaiki.

Tuan Pengerusi, pada fikiran saya yang menjadikan kelemahan kepada murid-murid perkara ini berlaku adalah disebabkan:

- (a) Kelas-kelas di sekolah-sekolah rendah dan juga sekolah menengah didapati terlalu besar, kebanyakannya mempunyai lebih dari 40 orang murid bahkan hingga 40 atau 45 orang. Ini menyebabkan guru-guru tidak dapat memberi perhatian penuh kepada murid-murid yang lemah di dalam sesuatu kelas itu.
- (b) Murid-murid yang lemah ini dinaikkan darjah sama ada mereka lulus atau gagal dalam ujian atau gagal dalam peperiksaan yang diadakan di sekolah-sekolah pada tiap-tiap tahun hingga ke Tingkatan III.

Untuk kebaikan keadaan ini saya ingin mengesyorkan kepada pihak Kementerian Pelajaran iaitu:

- (1) bilangan murid-murid dalam sesuatu kelas itu patutlah dikurangkan supaya guru-guru dapat menumpu perhatian dan memberi bantuan yang sewajarnya kepada murid-murid yang lemah secara perseorangan ataupun kumpulan.
- (2) Murid-murid yang lemah sepatutnya diberi peluang mengulang dalam sesuatu darjah semasa mereka di sekolah rendah jika didapati perlu.
- (3) Jika didapati ada sekumpulan murid-murid yang lemah di sesuatu kawasan atau bandar patutlah diadakan satu kelas khas untuk mereka.

Guru untuk kelas khas ini sepatutnya dilatih khas untuk mengajar murid-murid yang lemah (slow learners).

Kita mengucapkan terima kasih kepada Kementerian kerana telah disediakan Sekolah Vokasional yang telah menguntukkan wang sebanyak \$31,198,000 dengan tujuan memberikan pelajaran teknik dan vokasional kepada penuntut-penuntut supaya dapat memberi pengetahuan dan kecekapan kemahiran serta memupuk kecenderungan di bidang teknik dan vokasional bagi memenuhi keperluan negara dengan mendirikan sebanyak 33 buah Sekolah Teknik dan Vokasional di Semenanjung Malaysia dan 3 buah di Sabah, 3 buah di Sarawak. Kementerian Pelajaran juga ada menyediakan pelajaran dan latihan kemahiran di peringkat Diploma di bidang kejuruteraan dan perdagangan melalui 2 buah Politeknik iaitu Politeknik Ungku Omar di Ipoh dan juga di Kuantan, Pahang.

Saya ingin mengesyorkan kepada pihak yang berkenaan supaya membina lebih banyak lagi sekolah-sekolah vokasional berasrama penuh di kawasan luar bandar supaya lebih ramai lagi murid-murid yang berminat dapat memasuki sekolah tersebut. Pada masa sekarang ibubapa enggan menghantar anak-anak mereka ke sekolah tersebut kerana jauh dari rumah sedangkan banyak murid-murid dari luar bandar ini memang berminat dan berkebolehan dalam jurusan tersebut.

Tuan Pengerusi, mengenai Latihan Guru. Tidak siapa yang boleh menafikan bahawa program ini mempunyai peranan yang penting dalam mengeluarkan guru-guru yang terlatih supaya objektif pelajaran dapat dicapai dengan jayanya. Kementerian Pelajaran telah menyediakan peruntukan sebanyak \$30,937,690 bagi tahun 1979 dan sebanyak 25 buah Maktab Perguruan telah disediakan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Kementerian juga berusaha meningkatkan lagi pengambilan dan pengeluaran guru-guru pelatih. Dalam tahun 1979, keutamaan diberi kepada meninggikan mutu latihan perguruan.

Di atas usaha ini kita mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran. Kita semua sedar di atas peranan yang akan dijalankan oleh guru-guru yang terlatih ini nanti. Guru-gurulah yang bertanggungjawab menjadi seseorang itu sebagai jurutera, doktor, peguam dan lain-lain. Sekiranya kita dapati kelemahan-kelemahan sedikit sebanyak kepada latihan guru-guru ini, maka hendaklah diperbaiki keadaan tersebut.

Oleh kerana memandang bertambah meningkatnya murid-murid tahun demi tahun, saya mengesyorkan:

- (1) Lebih ramai lagi guru patut diambil untuk mengikuti latihan perguruan dalam matapelajaran yang tertentu untuk memenuhi kekurangan guru yang mengajar mata pelajaran Sains dan Ilmu Hisab, Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia kerana pada hari ini kita dapati ada di kalangan penuntut-penuntut walaupun sudah bersekolah menengah masih tidak boleh membaca dan mengira dengan sempurna, lantaran guru-guru yang mengajarnya itu tidak memenuhi syarat-syarat yang dipersoalkan ini.
- (2) Guru-guru pelatih yang menunjukkan kebolehan cemerlang dalam matapelajaran Sains, Ilmu Hisab, Bahasa Malaysia dan Inggeris patut diberi peluang untuk mengikuti kursus lanjutan dalam matapelajaran itu selama setahun lagi berikutan dengan latihan yang ada. Dengan ini bilangan guru khas (specialists) dapat ditambah.

- (3) Guru-guru specialist ini patut dihantar ke sekolah-sekolah luar bandar untuk memperbaiki keadaan yang tidak seimbang sekarang ini.

Kita juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan kerana akan menubuhkan banyak lagi rumah-rumah guru. Ini sudah tentu akan menambahkan insentif guru-guru untuk berkhidmat di luar bandar.

Saya syorkan rumah kediaman mereka ini dibina dalam kawasan sekolah. Mereka juga hendaklah ditukarkan setelah berkhidmat selama 5 tahun di sesebuah sekolah sesudah mereka memohon bertukar.

Tuan Pengerusi, guru-guru yang hampir sudah maksima yang masih tidak dipertimbangkan menjadi Guru Besar, sudah sepatutnya mereka ini dipertimbangkan memikirkan status seniority mereka itu lebih-lebih lagi mereka yang memahami dua bahasa iaitu Bahasa Malaysia dan Inggeris. Guru-guru dari golongan ini patutlah diberikan perhatian secara langsung untuk menghilangkan anggapan yang mereka ini dianaktirikan.

Mengenai Pelajaran Khas kita mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran kerana memberi peluang pelajaran kepada kanak-kanak cacat dan terencat akal untuk membolehkan mereka menjadi warganegara yang lebih berguna dan berdikari. Saya mengesyorkan special classes untuk murid-murid ini patutlah diadakan di sekolah-sekolah biasa apabila didapati cukup bilangan murid untuk menjadikan satu kelas dengan guru yang dilatih khas dalam bidang ini.

Tuan Pengerusi, dengan ini saya mohon menyokong Anggaran Perbelanjaan bagi Kementerian Pelajaran yang telah dibentangkan oleh Menteri Pelajaran.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat dari Batang Padang.

5.05 ptg.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan tahniah yang sungguh-sungguh kepada Kementerian Pelajaran yang begitu berjaya melaksanakan bagi mencapai

matlamat Dasar Pelajaran Kebangsaan yang mana peruntukan tahun 1979 sepatutnya ditambah lagi sebanyak bilangan wangnya walaupun kita faham bahawa Kementerian Pelajaran ini adalah salah satu daripada Kementerian yang banyak sekali diberi kewangan, tetapi oleh kerana inilah demi kepentingan negara untuk anak-anak bangsa kita masa hadapan, maka saya lagi sekali mengesyorkan supaya Anggaran Perbelanjaan di tahun akan datang ditambah berlipat-ganda lagi demi mencapai matlamat Dasar Pelajaran Kebangsaan.

Memandangkan walau bagaimana kita hendak menjalankan Dasar Pelajaran Kebangsaan masa akan datang, nampaknya selepas pilihanraya ini atau sebelum pilihanraya bergemalah Dasar Pelajaran ini dibincangkan oleh pihak parti Pembangkang yang mana hari ini mereka bercadang untuk hendak mengurangkan sebanyak \$10 gaji Timbalan Menteri—sudah tidak ada jalan lain lagi!

Jadi inilah satu kejayaan parti Pembangkang untuk menaikkan semangat atau menonjol-nonjolkan bagi hendak menjatuhkan MCA. Dengan sebab itulah Timbalan Menteri yang terdiri daripada MCA itu hendak dipotong gajinya \$10. Seperti kata Menteri Pelajaran tadi, mengapa tidak beliau sendiri, seharusnya beliau yang memegang tampuk Kementerian Pelajaran kita. Ini adalah satu motif yang tersendiri yang mana parti Pembangkang (DAP) dapat 16 kerusi; dan MCA dapat 17 kerusi. Inilah sebabnya dibangkit-bangkitkan dan digembargemburkan.

Tuan Pengerusi, Maksud B. 29, muka surat 221, Butiran 1100, Gaji dan Upahan, Program (1), Pentadbiran Am. Di sini saya sangatlah terasa curiga kerana pihak Pembangkang iaitu Yang Berhormat dari Petaling satu masa dulu sehingga terdapat salinan ucapan yang akan diucap oleh Timbalan Menteri Pelajaran yang ditujunya tadi mengatakan sudah dapat ucapan itu, tetapi ucapan itu tidak dapat diucapkan lagi, hinggan itu rahsia, begitu kita pingit pun dapat. Jadi kita sangatlah takut dalam Gaji dan Upahan, Pentadbiran Am ini pegawai-pegawai juga kita harus awasi kerana kita takut pegawai-pegawai juga penyelewengan terdapat, maklumlah kita mempunyai berbagai-bagai jenis sekolah

seperti Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan. Jadi masih lagi pegawai-pegawai, pengelola-pengelola, guru-guru besar dan guru-gurunya terutama dalam kawasan parti Pembangkang mereka mengapi-apikan. Jadi Dasar pelajaran kita mungkin tidak dapat 100 pertus dijalankan.

Tuan Pengerusi, kita mendapati bukan sahaja itu yang menghalangkan tetapi negara kita ini telah ada kominis, dadah, anti-nasional, anasir subversif dan kita curigai juga pegawai-pegawai yang saya katakan tadi. Saya mengesyorkan kepada Kementerian ini satu cawangan khas bagi penyiasatan anti-nasional di sekolah-sekolah dengan kerjasama pihak Polis supaya dapat dibenteraskan anasir subversif yang telah menyerap di sekolah-sekolah rendah dan sekolah menengah yang mana seperti di negeri Johor kita mengucapkan syabas kepada Kerajaan Johor yang telah mendapati anasir-anasir ini di sekolah-sekolah dalam negeri Johor. Inilah satu langkah yang patut kita laksanakan pada masa akan datang.

Menyentuh Butiran 29, muka surat 221 juga, Program (2)—Pelajaran Rendah Menengah. Satu penyelarasan patut diadakan di antara sekolah-sekolah yang mana seperti saya kata tadi sekolah kita ada berbagai-bagai sekolah kebangsaan yang mana dahulu dikatakan Sekolah Melayu, Sekolah Rendah Kebangsaan, Sekolah Inggeris dahulunya. Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina—Sekolah Cina dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil. Ini tidak bahaya sangat—Sekolah Tamil ini. Struktur ini telah wujud sejak belum merdeka lagi. Bagi melaksanakan Dasar Pelajaran Kebangsaan hendaklah diadakan satu penyelarasan yang konkrit.

Tuan Pengerusi, satu lagi berkenaan dengan pelajaran agama di sekolah-sekolah khususnya sekolah-sekolah rendah. Kata sahabat saya dari Tanah Merah sekolah-sekolah rendah ini sangat dibebankan dengan pelajaran bahkan beg pula begitu sarat hingga siksa kanak-kanak itu membawanya. Jadi otak kanak-kanak itu kecil lagi, patutlah sekolah-sekolah ini diadakan sekolah agama sebelah petang dijadikan kelas agama sepenuh masa iaitu gabungan antara Kerajaan Pusat kita dengan Kerajaan Negeri. Selepas itu barulah kita jalankan seperti biasa diadakan

guru-guru agama ini kerana kalau kita adakan di sekolah-sekolah ini pelajaran agama daripada kanak-kanak kecil ini, tentulah mereka ini tidak dapat mengisi di kepala dan di pemikiran mereka bahkan cuma guru-guru agama ini melepaskan batu ditangga sahaja.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh juga sekolah-sekolah menengah, sekolah-sekolah swasta yang diluluskan oleh Kerajaan. Saya bertanya kepada Menteri Pelajaran, adakah pegawai-pegawai yang memerhatikan perjalanan sukatan pelajaran yang sesuai dengan dasar pelajaran kita? Kerana kita sedar sekolah swasta ini berjalan dengan sendiri selepas diluluskan kertas kerjanya sahaja tetapi sangatlah mustahak pelawat-pelawat itu mengambil perhatian dan perjalanan diselaras dengan keselamatan dan kepentingan umum.

Tuan Pengerusi, saya juga menyentuh muka surat yang sama Aktiviti (4)—Latihan Guru.

Saya mengucapkan tahniah kerana guru telah cukup dan pelajarannya begitu baik dan guru-guru sementara telah banyak kurang sangat, jadi saya mengucapkan sekali lagi terima kasih. Saya juga menyokong Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar supaya pelajaran teknik dan vokesyenal ini ditambah lagi demi keperluan negara.

Tuan Pengerusi, dalam Butiran yang sama iaitu Aktiviti (6)—Kebajikan Penuntut-penuntut. Biasiswa kecil Persekutuan yang didapati oleh kanak-kanak sebanyak \$20.00 patutlah dinaikkan menjadi \$50.00 kerana keadaan perbelanjaan negara kita sudah meningkat tinggi.

Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong agar perbelanjaan Kementerian Pelajaran ini dipersetujui.

5.12 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Bekalan 29, Butiran 4100, Aktiviti (1) (a) (iv)—Sekolah-sekolah Ugama Islam Rakyat, muka surat 233.

Peruntukan yang diminta bagi tahun 1979 ialah sebanyak \$2,936,000. Ini bermakna tambahan sebanyak \$760,000. Walaupun

peruntukan tambahan ini tidak sampai \$1 juta, namun kita bersyukur ke hadrat Ilahi bahawa pandangan yang mendalam juga diberikan kepada sekolah-sekolah ugama Islam Rakyat.

Saya ingin menarik perhatian Menteri yang berkenaan bahawa di negeri Kelantan terdapat banyak sekolah-sekolah ugama Islam rakyat yang belum lagi mendapat bantuan Kerajaan. Adalah menjadi harapan saya agar sekolah-sekolah ugama Islam rakyat ini dapat diambil alih sepenuhnya oleh Kementerian Pelajaran supaya ianya diletakkan di bawah kelolaan Jabatan Pelajaran Negeri yang berkenaan, memandangkan bahawa semua sekolah-sekolah rakyat terutama sekolah-sekolah dari rakan-rakan kita yang menerima Dasar Pelajaran Kebangsaan, telah diletakkan terus di bawah jajaan Jabatan Pelajaran Negeri masing-masing.

Saya rasa adalah adil jika semua sekolah-sekolah ugama Islam rakyat menerima dasar pelajaran kebangsaan, maka bantuan sepenuhnya hendaklah diberikan.

Tuan Pengerusi, mungkin akan timbul satu persoalan mengenai kelayakan masuk bagi guru-guru yang berkenaan mengikut dasar skim Kementerian yang tidak membolehkan mereka mencapai ke taraf yang sedemikian. Soal ini, saya rasa tidaklah menjadi satu perkara yang besar, kerana sekiranya mereka diberi latihan dengan sepenuhnya di samping mengambil kursus-kursus perguruan di dalam masa cuti penggal persekolahan, maka soal kelayakan ini akan dapat diatasi dengan mudahnya.

Ternyata kepada kita bagaimana guru-guru sekolah kebangsaan dahulu yang diberi masa latihan sepenuhnya, samada dalam masa cuti penggal persekolahan, atau pun diberi had masa bahawa dalam masa sekian-sekian lama, mereka dikehendaki memperolehi kelayakan akademik sedemikian. Alhamdulillah, semua guru-guru tersebut sekarang ini mempunyai kelayakan yang sewajarnya dan ini melayakkan mereka ke taraf yang sama dengan guru-guru sekolah Inggeris.

Berdasarkan kepada hakikat ini, saya percaya sekiranya Kementerian mengambil alih sekolah-sekolah ugama Islam rakyat di negeri Kelantan itu, maka ia akan memberi

harapan dan sanjungan kepada sekolah-sekolah yang terlibat itu.

Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 4100 juga, Aktaviti (i) (6) (a) (iii)—Rancangan Amalan Makanan dan Pemakanan, peruntutannya berlipat-kali ganda.

Rancangan ini, saya rasa tidaklah meliputi semua sekolah-sekolah di luar bandar. Saya mengharapkan agar rancangan yang sangat berguna dan berfaedah ini dibekalkan di semua sekolah-sekolah di luar bandar yang sangat-sangat mengharapkan bantuan seperti ini. Kerana kita tahu murid-murid di luar bandar kebanyakannya terdiri daripada keluarga yang miskin, seperti nelayan dan petani yang pendapatannya adalah sangat rendah dan perlu diberi pertolongan kepada mereka.

Syarikat-syarikat perniagaan yang besar yang memperolehi keuntungan yang banyak, bolehlah diminta memberi sumbangan terhadap rancangan ini. Kalau Rothmans boleh menjadi sponsor untuk menayangkan perlawanan Bola Sepak dan Peralawanan Tinju Sedunia dengan perbelanjaan sebanyak \$30,000 bagi satu siaran talivisyen, saya rasa ada banyak lagi syarikat-syarikat yang besar yang boleh tampil ke hadapan memberi sumbangan baktinya terhadap bangsa dan negara.

Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 1100, Aktiviti (4)—Latihan Guru, juga di bawah Aktiviti (1)—Pentadbiran Am, muka 221.

Saya rasa telah sampai masanya bagi pihak yang berkenaan di Kementerian memikirkan bahawa Latihan Sambil Belajar adalah perlu diberi kepada guru-guru, khususnya guru-guru di sekolah-sekolah asrama, di mana tinjauan yang mendalam boleh dipelajari apabila mereka dihantar ke luar negeri.

Kita jarang sekali dengar mereka dihantar ke luar negeri untuk meninjau akan perkembangan sekolah-sekolah berasrama, samada dari segi pentadbiran mahu pun dari segi pelajaran dan kawalan yang diberi kepada murid-murid di sekolah-sekolah berasrama tersebut. Mungkin dengan cara ini, akan dapat memberi kebaikan kepada jenerasi muda yang akan datang.

Terlanjur saya menyentuh mengenai perkara ini, saya rasa peluang juga haruslah diberi kepada Ketua-ketua Pegawai Pelajaran Negeri-negeri untuk meninjau akan perkembangan pelajaran dan pentadbiran di luar negeri. Sekarang ini, apa yang kita selalu dengar, ialah pegawai-pegawai yang dihantar ke seminar-seminar, conference dan sebagainya ialah dihantar daripada pegawai-pegawai Kementerian.

Saya juga mengharapkan bahawa dalam apa bentuk persidangan dan seminar di luar negeri, peluang-peluang hendaklah juga diberi kepada Ketua-ketua Pelajaran Negeri, sekurang-kurangnya untuk mendapat pengalaman dan untuk kebaikan pentadbirannya bagi mengendalikan sesebuah Jabatan di negeri masing-masing.

Tuan Pengerusi, saya rasa setakat inilah sahaja dan saya menyokong sepenuhnya peruntukan Kementerian Pelajaran.

5.20 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya tidak bercadang bercakap panjang, tetapi saya hanya menyentuh dua tiga perkara yang saya anggap adalah penting yang ada bersangkutan dengan perkara pelajaran di dalam kawasan-kawasan saya.

Yang pertama, izinkan saya merujuk kepada Maksud Pembangunan 29 muka surat 236, Aktiviti mengenai Pelajaran Rendah.

Tuan Pengerusi, atas perkara pelajaran rendah, suka saya menarik perhatian Kementerian Pelajaran yang berkenaan kepada masalah penyelenggaraan, pembaikan dan pembaharuan bangunan-bangunan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina di negara kita. Saya dapati bahawa pada tahun-tahun yang lalu Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina menghadapi banyak kesulitan untuk mendapat wang yang cukup dan bantuan lain dari Kementerian untuk membaharui, memperbaiki dan menyelenggarakan bangunan-bangunan sekolah dan lain-lain kemudahan. Dalam hubungan ini suka saya menarik perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kepada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina di dalam

kawasan Negeri saya iaitu di Serdang Lama, sebuah sekolah yang bernama Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Kong Yu sebagai satu contoh. Sekolah yang berkenaan kini ada dalam keadaan yang amat buruk, bumbung bilik darjah telah bocor dan lantai dalam bilik darjah pun telah retak. Saya diberitahu bahawa sekolah tersebut telah dibina dalam tahun 1946 dan sehingga hari ini sekolah itupun belum diselenggarakan. Saya ingin meminta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya mengambil berat tentang keadaan buruk sekolah itu dengan mengambil langkah yang sesuai untuk membina satu sekolah baru untuk menggantikan sekolah lama itu ataupun sekurang-kurangnya mengambil langkah yang sesuai untuk memperbaiki dan membaharui sekolah itu.

Tuan Pengerusi, izinkan saya tegaskan di sini bahawa keadaan buruk bangunan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina yang saya sifatkan tadi bukanlah terhad kepada kawasan Negeri saya sahaja bahkan juga keadaan seperti ini ada muncul di lain-lain kampung-kampung baru di negeri kita yang mana kita boleh lihat bangunan-bangunan sekolah yang ada dalam keadaan buruk.

Tuan Pengerusi, nampaknya masalah ini telah timbul kerana Kementerian yang berkenaan mungkin tidak ada memberi perhatian yang serius kepada perkara penyelenggaraan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan tidak membuat peruntukan yang wajar, cukup untuk perkara ini. Rasa saya perkara ini tidak patut berlaku. Untuk mengelakkan masalah ini dari berlaku saya suka mencadangkan bahawa Kementerian yang berkenaan patut ada satu kumpulan wang tetap untuk tujuan penyelenggaraan, pembaikan dan pembaharuan semua bangunan-bangunan Sekolah rendah Jenis Kebangsaan Cina di negara kita.

Atas perkara pelajaran rendah juga saya menggesa Kementerian yang berkenaan supaya mendirikan sebuah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina tambahan di Seri Kembangan iaitu juga di dalam kawasan Negeri saya di Selangor untuk memenuhi keperluan pelajaran di kampung baru itu memandangkan bahawa penduduk-penduduk di kampung baru tersebut telah bertambah. Pada masa kini terdapat sebuah Sekolah

Rendah Jenis Kebangsaan Cina di Seri Kembangan, tetapi untuk memenuhi keperluan pelajaran yang kian meningkat, yang kian mendesak, saya harap Kementerian dapat membina satu lagi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan di Seri Kembangan itu.

Perkara kedua yang saya ingin sentuh di sini ialah mengenai Maksud B. 29, muka surat 222 Aktiviti (8) mengenai perkara Perancang, Penyelidikan dan Penilaian Perancangan Pelajaran. Atas perkara ini suka saya menarik perhatian Dewan ini kepada satu jenis pelajaran yang saya anggap, yang rakyat anggap penting di negara kita dan itu ialah pendidikan pengguna (consumer education). Apa yang negara dan rakyat kita perlu hari ini ialah penggalakan konsep penggunalisma atau penggalakan kesedaran penggunalisma (promotion of consumers' consciousness) melalui pendidikan pengguna. Cara ini ialah cara yang wajar yang hendak diambil sekiranya rakyat mahu satu pergerakan pengguna yang kuat dan dinamis bagi melindungi kepentingan pengguna-pengguna di negara kita.

Tuan Pengerusi, untuk mencapai tujuan ini saya rasa masa telah sampai bagi Kerajaan untuk menimbang, memperkenalkan pendidikan pengguna ke Sekolah-sekolah Menengah. Memandangkan perkembangan ini saya harap bahawa Bahagian Perancang Penyelidikan dan Penilaian Perancangan Pelajaran di dalam Kementerian yang berkenaan dapat menimbang dan memperkenalkan apa yang tadi saya sebut, pendidikan pengguna untuk dijadikan sebahagian sukatan pelajaran (syllabus) di Sekolah-sekolah Menengah.

Tuan Pengerusi, atas perkara Perancangan Pelajaran juga, saya hendak mengesyorkan di sini bahawa Kementerian Pelajaran patut menimbang, pengenalan program-program pendidikan talivisyen atau ETV untuk murid-murid sekolah pada tempoh cuti sekolah. Pada masa ini ETV hanya disiarkan dalam talivisyen pada penggal sekolah. Saya harap bahawa program ETV ini dapat ditayangkan oleh RTM pada tempoh cuti sekolah untuk membolehkan murid-murid sekolah untuk membuat persiapan pelajaran dan penyelidikan untuk penggal sekolah yang akan datang.

Akhirnya, saya ingin menyentuh Maksud P. 29, muka surat 221, Aktiviti (2) mengenai Pelajaran Rendah dan Menengah. Atas perkara itu saya suka merujuk kepada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan perkara Lembaga Pengurus Pentadbir Sekolah. Memandangkan kepada peranan yang penting yang telah dimainkan dan sedang dimainkan oleh Lembaga Pengurus Pentadbir Sekolah untuk menyumbang kepada penyelenggaraan sekolah-sekolah itu saya haraplah bahawa pihak Kementerian akan mengiktiraf sumbangan mereka dan akan terus menegakkan kuasa Lembaga Pengurus Pentadbir Sekolah untuk sekolah-sekolah itu. Sekianlah pandangan saya, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat dari Kangar.

5.30 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Pengerusi, saya bercakap B.29, muka surat 221 berkenaan dengan Latihan Guru.

Saya berpendapat daripada pelajaran-pelajaran lain maka dalam latihan guru ini juga patut diadakan satu pelajaran sivik yang membawa kepada guru itu sungguh-sungguh bertanggungjawab. Saya berkata begini kerana saya sungguh hormati peranan yang dimainkan oleh guru seluruh Malaysia kita kerana gurulah membawa segala kebaikan dan mendidik anak-anak yang jadi segenap kelulusan, kedoktoran, peguam dan sebagainya tetapi kita tidak nafikan ada di antara guru-guru yang tidak bertanggungjawab kadang-kadang kerana kecemaran ataupun kelakuan seorang dua yang tidak baik membawa sebagaimana kata pepatah: sebab nila setitik, rosak susu sebelanga.

Dengan sebab itu saya berpendapat salah satu daripada pelajaran yang patut diadakan dalam latihan guru ini, saya fikir patutlah diwajibkan bukan kadar pelajaran sahaja sebagaimana dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah tadi tetapi patut diadakan sampai ke dalam peperiksaan dan diamalkan di dalam sekolah dan di luar daripada sekolah kerana guru sebagai ikatan murid dan ikatan semua orang, seperti kata

pepatah: kalau bapa borek anak rintik, kalau guru kencing berdiri, murid kencing berlari. Jadi tentang guru sebagai ikatan yang amat penting kepada semua lapisan masyarakat, bukan sahaja kepada murid sekolah.

Tuan Pengerusi, saya bercakap mengenai P.29 tentang rumah-rumah guru. Saya beberapa kali merayu kalau di tempat lain sampai ada 19, Perlis ini tidak ada cuma satu sahaja, jadi saya merayu kepada Menteri, kalau boleh adakan lagi di Perlis, itulah harapan saya.

Tuan Pengerusi, saya akan bercakap seberapa ringkas, kerana kawan-kawan saya di kiri-kanan suruh saya duduk cepat. Berkenaan dengan B.29, Aktiviti 7—Pengendalian Peperiksaan. Kalau kita buat baik, Tuhan akan nilai kita baik tetapi Tuhan ada kira muqatibin, kata orang dia pakai tulis kira-kanan, kalau tidak tulis, Tuhan sudah tahu, tetapi manusia tidak tahu melainkan apa yang dia laporkan. Amat dukacita dan zalim kalau satu orang pandai tiba-tiba dalam temuduga atau dalam peperiksaan dia tidak dapat kelulusan. Kalaulah tidak dapat kelulusan yang baik disebabkan hari ini masa dia tidak baik, dia tidak boleh menjawab, itu hak dia ataupun cara kebetulan habuan dia, tetapi amatlah sedih kalau dalam sesuatu perkara itu dia yang bagus, tiba-tiba penyelewengan dalam segi peperiksaan kerana benda ini selalu kita dengar, kadang-kadang dalam peperiksaan inipun ada berlaku. Untuk mengelakkan daripada dosa kepada Allah, kerana orang yang pandai kita periksa—tidak pandai tentu sekali markahnya tidak baik sangat. Dari segi masyarakat, kalau orang yang tidak begitu berkebolehan, tiba-tiba kita bubuh markah berkebolehan, dia akan bekerja satu hari, ini juga menjadi bahaya kepada masyarakat. Benda ini di segi ugama berdosa, dari segi masyarakat bahaya. Dengan sebab itu, saya berharap dari segi pengendalian peperiksaan, hendaklah diawasi dengan sungguh-sungguh supaya jangan ada penyelewengan yang kadang-kadang kita dengar biasa berlaku. Ini saya harap.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, kalau boleh, kalau tidak boleh, apakan daya tetapi saya dengar yang tak boleh ini perintah Tuhan. Perintah Tuhan ada benda yang tak boleh pun

jadi boleh, kalau keadaan tidak dapat dielakkan. Jadi saya tidak fikir kalau undang-undang negara ini tidak boleh kita pinda. Undang-undang Perlembagaan boleh kita pinda, syaratnya kena ada 2/3, jadi kalau dalam peperiksaan pun harus boleh dipinda hari kelepasan umum, misalnya Hari Raya Haji dan hari-hari kelepasan umum, hari kebesaran Islam, patutlah diganti buat hari lain. Saya takut pula kalau hari Krismas misalnya pada 25hb Disember—harus tidak ada, kerana kita raikan hari kebesaran Inggeris, ataupun kalau kita hendak kata Kristian amatlah pelik, tetapi itulah yang tepatnya. Saya berharap peperiksaan ini kalau hari kelepasan umum, kita ikhtiarkanlah, jangan ada hari yang berkenaan, boleh kita atur seboleh-bolehnya dan itu terpulanglah kepada Menteri, hari Jumaat inipun tidak payahlah diadakan peperiksaan, kerana hari itu hari minggu. Saya berharap hari-hari ini patutlah kita raikan sebagai hari kebesaran Islam dan selain daripada itu, hari lain masih ada dan boleh kita betulkan supaya jangan diambil hari yang saya katakan tadi.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan pelajaran. Saya berharap juga dari segi tambahan kakitangan. Saya berharap kepada kerani-kerani sekolah dalam Tingkatan C inipun patut ditambah walaupun sekolah mereka ini kecil tetapi Kerajaan kena buat semacam dengan sekolah-sekolah besar kecuali tentang sedikit jumlah, tentang orangnya, saya fikir tidak lebih dan tidak kurang.

Yang kedua, jika kakitangannya masih kurang, saya dapat tahu masih ada lagi guru-guru besar yang kosong di sekolah-sekolah itu, patutlah digantikan dengan seberapa cepat. Kedapatan juga guru-guru ini yang mereka telah tetap dapat kelulusan sekian tetapi dukacita tidak disahkan lagi dalam perjawatan mereka. Misalnya mereka telah lulus sekian-sekian yang patut dapat gaji tetapi mereka tidak dapat, mereka yang gaji ditetapkan lagi kerana pengesahan ini belum dibuat. Saya berharap kalau boleh perkara ini patut disebut sedikit kerana rugi kepada setengah guru-guru.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat Suruhanjaya Perkhidmatan Guru di bawah Jabatan Perdana Menteri, adalah lebih molek

kalau disatukan di bawah Kementerian Pelajaran. Pejabatnya disatukan di bawah Kementerian Pelajaran dan cara pentadbiran pun disatukan, kerana boleh jadi kalau saya kata kekurangan jawatan, harus Menteri berkenaan menjawab, ini hak Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Saya berharap ianya disatukan kedua-duanya sekali.

Tuan Pengerusi, ada di antara guru-guru yang datang mengajar di luar bandar, ini bukanlah kesemua, kalau hendak kata tidak pandai bahasa, saya pun tidak begitu pandai bahasa sangat, tetapi kata orang sama ada pandai atau tidak pandai, itu bukan masalahnya asalkan kita bercakap dengan orang itu dan orang itu boleh faham tetapi ada di antara guru-guru yang datang mengajar di luar bandar muridnya tidak faham di atas bahasa yang dicakapkan oleh guru yang berkenaan. Jadi kalau hendak datang mengajar di luar bandar, biarlah guru yang berkenaan dapat faham betul-betul. Dengan secara tak langsung, apa yang saya tegaskan, guru-guru yang hendak datang mengajar di luar bandar walau bangsa apa sekalipun, biarlah dia dapat bercakap dengan pelajar-pelajar atau murid-murid yang dia hendak mengajar, kalau tidak, akan menjadi sia-sia ataupun kelam-kabut dalam pelajaran ataupun dalam sekolah yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, tentang bantuan kebajikan kepada penuntut-penuntut, saya berpendapat kebajikan ini patut kita buat dan tiap-tiap orang yang dapat kebajikan, patutlah dia juga mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan, baikpun kepada kebajikan dalam negeri ataupun kebajikan luar negeri. Saya berpendapat kepada penuntut-penuntut yang berkenaan patutlah mereka ini berterima kasih kepada Kerajaan, tetapi kalau ada mereka ini menentang balik Kerajaan, terutama yang dapat bantuan yang begitu banyak patut ditarik balik kerana Tuhan pun buat baik, mesti beri ujian kepada kita. Begitulah sebaliknya, maka sebagai satu Kerajaan atau satu Kementerian, kalau kita buat baik sampai lama orang tak tahu membalas, patutlah kita tarik balik kebaikan yang kita berikan itu.

Tuan Pengerusi, saya juga bercakap dari segi pelajaran tinggi. Hari ini kita bersyukur

kepada Tuhan yang negara kita ada berbagai-bagai universiti, iaitu Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan dan sebagainya, universiti luar negeri pun masih ada tetapi ada kawan-kawan kita yang belajar di luar negeri, misalnya di Timur Tengah khasnya bahasa Arab yang kelulusan cara ugama Islam dari Universiti Al-Azhar dan sebagainya, saya dapat tahu walaupun mereka ini ada tempat boleh mengajar di Malaysia boleh bekerja di Malaysia, menjadi guru di Malaysia tetapi kalaulah hendak dikaji kelulusan mereka ini, saya tidak kata mereka ini tidak pandai, saya sendiri pun tidak tahu kerana saya tidak pergi, walaupun di Universiti Malaya, tetapi saya berani berkata kelulusan di Universiti Malaya sebagai Master dan sebagainya apatah lagi dia dapat gaji lebih tinggi sampai \$2,000 lebih.

Seorang kawan saya jadi guru, dia kata dia masuk bulan Januari dapat gaji \$2,350. Dua tiga tahun yang lepas, saya cuba hendak ikhtiarkan dia jadi Wakil Rakyat, dia kata tidak mahu, kerana pendapatannya tidaklah seberapa.

Tetapi saya percaya Universiti Azhar, Universiti Mesir dan sebagainya gajinya tidak sebegitu banyak bahkan agak saya harus setengahnya lebih rendah daripada gaji guru-guru universiti di Malaysia termasuk Universiti Malaya. Maka dengan sebab itu, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tolonglah ikhtiarkan supaya lepasan Universiti Azhar ini dapat membuat Masters di Universiti Malaya dan sebagainya, biar di luar daripada kampus dan sebagainya. Pelajaran di segi ugama pun baik, di segi lain pun baik, cuma hendak menyelaraskan sahaja. Ini pendapat saya, patutlah dijalankan oleh Kementerian yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, satu lagi saya berpendapat tentang buku-buku teks, bagus dapat pinjaman percuma. Saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri yang berkenaan. Tetapi dukacita, tidak tahulah negeri lain, di Perlis setiap kali keadaan berlaku bila masuk Penggal Satu, sudah hampir habis bererti bulan April ataupun Mei, kadang-kadang hampir dengan bulan Februari, buku belum tiba lagi. Jadi, ikhtiarkanlah proses menghantar buku seberapa cepat ini patutlah diadakan juga.

Satu lagi, saya berharap tentang buku ini janganlah dimonopoli oleh satu-satu tempat, misalnya Dewan Bahasa dan Pustaka. Biarlah kita cara banyak-banyak tempat yang boleh mengeluarkan buku dan kalau boleh mengeluarkan buku mengikut sistem masa dan zaman kecuali buku tawarikh dan sebagainya, itu terpulanglah. Tetapi janganlah pakai cara-cara lama iaitu diserahkan sahaja kepada Dewan Bahasa dan Pustaka dan semuanya dibuat oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Biarlah kita tender di mana ada penerbitan yang lain dan cara penerbit yang lebih baik mengikut kehendak zaman buku ditempat itu kita utamakan supaya kita mendapat buku yang lebih segera dan lebih tinggi lagi mutunya daripada yang ada pada hari ini.

Tuan Pengerusi, saya berharap tentang pelajaran tinggi ini juga, sesudahnya sekolah diadakan oleh Kerajaan maka hendaklah jikalau boleh biarlah penempatan kepada murid-murid yang lulus itu mendapat pekerjaan. Saya contohkan seperti Sekolah Vokesyenal. Hari ini dari segi pelajaran vokasyenal ini saya berasa dukacita, tempat ini diberikan latihan yang cukup, tetapi bila ada badan-badan swasta akan mengambil pekerjaan tidak diutamakan kepada murid-murid ini. Jadi, saya berharaplah murid-murid yang lulus dari sekolah-sekolah vokasyenal ini patut diberi keutamaan di segi pekerjaan. Hari ini kita sedang menarik murid-murid untuk belajar di sekolah Voksyenal dan sebagainya tetapi bila mereka ini lulus, sayang kita ambil kelulusan daripada jurusan lain balik. Jadi, saya berharap beri keutamaan kepada murid-murid kelulusan dari Sekolah Latihan Vokesyenal jikalau satu-satu pekerjaan itu bersesuaian dengannya.

Tuan Pengerusi, dengan ini saya menyokong peruntukan yang diminta dan saya berharap seboleh-bolehnya berilah keutamaan khasnya kepada penuntut-penuntut yang berada di luar bandar, seperti asrama yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah tadi, saya menyokong 100%, janganlah kita buat di satu tempat sahaja, biarlah diadakan di luar bandar dan sebagainya. Apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah itu tepat, pelajar-pelajar yang mereka ini daripada asrama kebanyakan keputusan peperiksaannya amat baik kalau hendak

dibandingkan dengan pelajar-pelajar yang tidak dari asrama. Dengan sebab itu, saya merayu sebagaimana Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah tadi, buatkanlah juga banyak asrama walaupun tidak samapai 100 orang, agak 40-50 orang yang bersesuaian dengan murid itu sahaja pun patut juga diadakan. Ini satu daripada jalan untuk meninggikan taraf hidup rakyat, khasnya penduduk luar bandar yang masih ketinggalan banyak kalau hendak dibandingkan dengan luar bandar.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat dari Sabak Bernam.

5.44 ptg.

Tuan Jamaluddin bin Suhaimi (Sabak Bernam): Tuan Pengerusi, saya hendak mengambil bahagian bercakap dalam Maksud B.29, Butiran 1100 mengenai dengan pelajaran rendah iaitu yang berkenaan dengan kenaikan pangkat dan gaji.

Nampaknya sebagaimana yang kita maklum, kenaikan pangkat Guru-guru Besar adalah bergantung kepada pemeringkatan sekolah (grading school), tetapi kita ketahui sudah sangat lama nampaknya sekolah tidak digredkan dan oleh kerana itu Guru-guru Besar telah tidak dapat menerima gaji yang sepatutnya dan kenaikan pangkatnya. Oleh itu, patutlah Kementerian Pelajaran menimbangkan supaya grading ini dapat disegerakan dan kalau difikirkan grading ini satu perkara yang menyulitkan, lebih baik kita mansuhkan sahaja sistem grading ini dan kita balik kepada yang asal, menaikkan pangkat guru-guru kerana kecekapan, kebaikan dan juga senioritynya.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap berkenaan dengan Maksud B. 29, Butiran 1100 juga, muka surat 222, Aktiviti (8) Perancang, Penyelidikan dan Penilaian Perancangan Pelajaran. Yang saya maksudkan ialah berkenaan dengan Nazir Sekolah. Pada pendapat saya Nazir Sekolah yang ada sekarang walaupun kata Yang Berhormat Menteri ada 144 orang pada tahun 1979, adalah tidak mencukupi kerana kita maklum banyak sekolah di luar-luar bandar yang bertahun-tahun tidak dapat dilawati dan keadaan ini telah menjadikan sekolah itu

tidak mendapat apa-apa nasihat dan teguran. Oleh itu, patutlah kalau boleh Nazir-nazir Sekolah ini ditambah lebih banyak lagi dan mungkin juga boleh dibuat dua peringkat, iaitu peringkat Kebangsaan dan juga di peringkat Negeri-negeri, supaya tiap-tiap sekolah dapat dilawati dengan lebih kerap lagi.

Dalam penilaian perancangan ini juga mengenai sukatan pelajaran. Dalam sukatan pelajaran di sekolah rendah nampaknya pelajaran Ilmu Alam dan Tawarikh terlalu banyak sangat perkara-perkara luar negeri dan dengan kerana itu mengurangkan peluang murid-murid untuk dapat pelajaran dalam perkara-perkara dalam negeri, iaitu dalam sukatan pelajaran Ilmu Alam dan Tawarikh. Oleh itu patut dipinda supaya anak-anak kita dapat lebih peluang mempelajari keadaan dalam negeri dan eloklah perkara luar negeri itu dikurangkan.

Tuan Pengerusi, saya akan sentuh Maksud B.29, muka surat 233, Butiran 4100 berkenaan dengan Sekolah-sekolah Ugama Islam Rakyat. Saya mengesyorkan patutlah Sekolah-sekolah Ugama Islam Rakyat ini dapat dilawati dengan lebih kerap dan dapat ditimbangkan mana yang patut ditutup dan mana yang patut terus dibantu. Mana yang kita fikirkan maju patutlah bantuannya ditambah dan mana yang sudah tidak patut dibantu maka eloklah ditutup sahaja.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, muka surat 233 juga mengenai pengajaran ugama. Tahniah kepada Kementerian Pelajaran yang telah dapat mengambil 11 buah Sekolah Menengah Ugama dalam Malaysia. Pada pendapat saya Sekolah Menengah Ugama seperti di Kajang, Selangor, umpamanya dan yang 10 buah sekolah yang lain-lain itu patut dibanyakkan lagi dalam Malaysia ini supaya dapat memberi lebih banyak peluang kepada murid-murid yang sangat cenderung dalam pelajaran ugama ini supaya dapat masuk ke sekolah ugama yang tersusun dan teratur.

Tuan Pengerusi, muka surat 233 juga mengenai Pelajaran Rendah dan Menengah, Ceraian (viii) Gantian alat-alat perabut. Mengikut pengalaman bahawa selalu kerosakan-kerosakan yang kecil dalam sekolah-sekolah sangat susah hendak men-

dapat ganti segera kerana perkara ini walaupun kecil tetapi terpaksa diurus oleh pihak Kementerian. Saya mengesyorkan kalau boleh beri sahaja kuasa kepada Ketua Pengarah Pelajaran Negeri untuk menguruskan bekalan gantian yang tidak begitu banyak perbelanjaannya.

Tuan Pengerusi, sedikit lagi saya suka sentuh P.29, muka 236 mengenai Pembangunan Pelajaran Rendah dan Menengah di Butiran (1) dan (2) tentang bilik-bilik darjah. Apa yang saya hendak sentuh ialah kelambatan pelaksanaannya, walaupun projek telah diluluskan dua-tiga tahun tetapi setengahnya tidak dapat dilaksanakan dengan masa yang sepatutnya. Mudah-mudahan ini akan dapat satu perhatian khas mengapa kelambatan itu boleh terjadi.

Tuan Pengerusi, dalam muka 236 ini juga, Butiran 7 ialah mengenai latihan guru di maktab-maktab perguruan dan sebenarnya latihan ini sudahlah sangat baik tetapi cuma saya suka mengesyorkan di dalam maktab latihan ini diajar juga pelajaran-pelajaran pilihan seperti nyanyian, pertukangan, melukis dan sebagainya supaya bila mereka balik ke kampung, ke sekolah rendah dia boleh mengajar semua perkara itu. Apa yang menjadi kesulitan pada masa sekarang ialah banyak guru-guru itu tak boleh mengajar menyanyi, mereka tak tahu menyanyi, banyak guru tak boleh mengajar melukis kerana mereka tak tahu melukis, tak boleh mengajar menjahit, kerana tak tahu menjahit dan sebagainya. Jadi dalam maktab perguruan sedikit sebanyak mestilah diberikan asas-asas pelajaran tersebut, begitu juga gerakan luar seperti Scout, Wataniah, Bulan Sabit, St. John dan sebagainya, patut diberi latihan kepada guru-guru dalam maktab latihan supaya bila mereka balik, aktiviti itu akan dapat dijalankan di sekolah-sekolah kerana walaupun kita menggalakkan umpamanya pengakap di sekolah, tetapi banyak sekolah tak ada guru pengakap, oleh itu tak sanggup hendak menubuhkan pasukan pengakap. Itu sebagai contoh dan begitu juga yang lain seperti pasukan Bulan Sabit. Pasukan Pertolongan Cemas dan sebagainya.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, sedikit perkara lagi ialah mengenai Dewan Bahasa dan Pustaka, Butiran 22, dalam muka surat

237. Suatu anggaran besar telah diberi kepada Dewan Bahasa dan Pustaka dan anggaran pembangunan sebanyak \$4 juta juga telah diberikan tetapi saya hanya hendak menyentuh mengenai yang saya fikirkan menasabah iaitu patutlah Dewan Bahasa dan Pustaka itu bekerjasama dengan pihak universiti dengan sepenuhnya. Saya mengetahui bahawa kerjasama itu memang ada tetapi bagaimanakah caranya supaya dapat universiti itu terlibat secara langsung mengenai pembinaan Bahasa Malaysia kita ini sebab dalam universiti ada kesulitan-kesulitan hendak menggunakan istilah-istilah yang kata setengahnya tidak dapat diterima dan setengahnya pula mengeluarkan istilahnya sendiri. Jadi kalau beginilah keadaannya tentulah akan bercanggah dalam pengantaran Bahasa Malaysia. Jadi kalau boleh hendaklah mahaguru-mahaguru kita itu masuk campur secara langsung dalam menjalankan pembangunan, melaksanakan Bahasa Malaysia itu supaya dapat diterima oleh kedua-dua pihak kerana kalau pihak universiti tidak sanggup menerima atau tak mahu menerimanya, tentulah akan tempang perkembangan Bahasa Malaysia kita.

Pada akhirnya saya menyokong belanjawan yang dipohon oleh Kementerian Pelajaran ini.

Tuan Pengerusi: Saya minta ditamatkan pukul 6.00 petang. Ahli Yang Berhormat dari Ulu Langat.

5.55 ptg.

Puan Chow Poh Kheng (Ulu Langat): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Kementerian Pelajaran, B. 29, Butiran 1100. Aktiviti yang pertama iaitu Pentadbiran Am.

Saya faham bahawa di sekolah-sekolah di negara kita ada diajar matapelajaran bahasa ibunda tiap-tiap kaum tetapi bagi pelajar-pelajar kaum China dan Tamil, bahasa ibunda mereka diajar oleh guru-guru yang bukan regular. Saya dapati kelas-kelas matapelajaran bahasa kedua ini tidak berjalan dengan lancarnya. Ini adalah disebabkan oleh kurangnya sambutan daripada murid-murid atau kerana kurangnya guru yang berminat mengajar matapelajaran tersebut. Akibatnya gurubesar-gurubesar dan ibubapa-ibubapa mengadu dan merungut kerana kehadiran murid-murid sangat merosot.

Saya difahamkan bahawa matapelajaran bahasa kedua ini tidak dimasukkan ke dalam kurikulum waktu belajar harian biasa di sekolah. Matapelajaran ini diajar pada hari Sabtu ataupun pada waktu selepas sekolah. Oleh itu kemerosotan kehadiran pelajar-pelajar di dalam kelas-kelas tersebut berpunca sama ada mereka berasa terlalu letih untuk belajar pada waktu petang atau mereka menghadapi masalah kenderaan untuk menghadiri kelas pada hari Sabtu ataupun ada lain-lain sebab.

Pada pendapat umum untuk mengatasi masalah ini iaitu masalah kurangnya sambutan para pelajar mempelajari bahasa ibunda mereka di sekolah-sekolah ialah kelas bahasa kedua ini patutlah diadakan dalam waktu belajar pada hari-hari biasa dan kelas bahasa kedua ini hendaklah juga termasuk sebagai satu daripada matapelajaran kurikulum sekolah. Walaupun cadangan ini dapat dijalankan, namun masih ada satu lagi masalah yang mungkin timbul iaitu masalah guru yang akan mengajar matapelajaran tersebut. Ini disebabkan oleh dua faktor iaitu yang pertama pembayaran gaji mereka yang rendah dan kedua perasaan kurang minat para guru untuk menghadiri kelas pada hari Sabtu kerana untuk mengajar satu waktu sahaja.

Berhubung dengan masalah kekurangan guru matapelajaran tersebut, maka dicadangkan supaya guru-guru yang mengajar matapelajaran bahasa kedua yang akan bersara itu dibenarkan menyambung perkhidmatan mereka. Konsep ini adalah selaras dengan dasar baru Kerajaan yang memerlukan semula pegawai-pegawai yang berpengalaman. Oleh itu saya harap dasar ini juga tertakluk kepada guru-guru di sekolah-sekolah. Saya harap Yang Berhormat Menteri Pelajaran menimbangkan masalah-masalah ini. Saya percaya kedua masalah yang saya sebutkan tadi agar dapat diatasi dengan seberapa segera supaya kanak-kanak atau murid-murid dan pelajar-pelajar yang terdiri daripada berbilang kaum dapat mempelajari bahasa-bahasa ibunda mereka masing-masing.

Tuan Pengerusi, rujukan saya yang kedua berhubung dengan Kementerian ini ialah B. 29, Butiran 1100 program (5) di bawah tajuk

“Pelajaran Tinggi.” Walaupun Kerajaan telah berusaha menubuhkan seberapa banyak universiti untuk menampung para pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran mereka, namun institusi pengajian tinggi masih lagi jauh daripada cukup. Gejala ini menimbulkan kesan yang kurang menyenangkan, menimbulkan kegelisahan, perasaan ‘frustrated’ dan hampa terhadap setengah ibubapa dan pelajar-pelajar setiap tahun. Oleh itu saya berharap di samping membina universiti-universiti, Kerajaan hendaklah mengadakan beberapa banyak lagi sekolah-sekolah teknik atau sekolah-sekolah vokesyenal untuk menampung pelajar-pelajar yang kurang bernasib baik atau mereka yang kurang cergas otaknya.

Dalam pengambilan pelajar-pelajar itu kelak, satu perancangan yang rational haruslah dilaksanakan, iaitu mengambil pelajar-pelajar dari berbagai-bagai kaum mengikut ratio yang seimbang dan menerima pelajar-pelajar yang betul-betul berkelayakan.

Selain dari itu....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Saya telah tetapkan tadi Yang Berhormat Menteri menjawab pada pukul 6.00 petang.

6.01 ptg.

Dato' Musa Hitam: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya suka mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan berhubung dengan Kementerian saya. Lebih-lebih lagi mereka yang telah begitu ramai meminta supaya belanjawan untuk Kementerian saya ditambah dengan begitu banyak. Permintaan dan sokongan ini saya sendiri, kalau ikut hasrat hati saya, saya juga menyokong.

Tuan Pengerusi, begitu banyak masalah-masalah telah dibangkitkan dan sukalah saya menyatakan di sini awal-awal lagi bahawa soal persekolahan khususnya dan pelajaran amnya ialah satu perkara yang begitu subjektif, oleh sebab ianya mengakibatkan tiap-tiap seorang dan tiap-tiap lapisan di dalam masyarakat negara kita ini, Oleh sebab itu saya sangat-sangat tertarik kepada pandangan-pandangan dan pendapat-pendapat yang telah

dikemukakan terutama sekali dari segi soal-soal seperti soal mata pelajaran, pelajaran tinggi, buku teks, pelajaran moral dan begitu banyak soal-soal yang telah disebutkan. Saya tidaklah bercadang hendak menjawab satu persatu tetapi sukalah mengikut perkara yang berkenaan menyebutkan apa juga yang saya fikirkan begitu perlu saya sentuh.

Pertama, saya suka menyebut soal buku teks yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Grik dan Kangar. Apa yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu sebenarnya ialah kejadian pada masa-masa yang lalu dan sayugia diingatkan sungguhpun ada juga desas-desus perasaan tidak puashati di dalam pelaksanaan Sekim Pinjaman Buku Teks, ini tidaklah boleh dinafikan bahawa pada pertama kalinya Kerajaan dapat melaksanakan rancangan ini awal-awal lagi. Ini masih bulan November dan apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar misalnya apabila disebutkan bulan April belum tiba lagi, ialah merupakan kejadian-kejadian pada masa-masa yang lepas. Dan itulah sebabnya alhamdulillah nampaknya setakat ini masalah-masalah yang dibangkitkan itu telah dapat diatasi.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah dan Sabak Bernam telah membangkitkan soal grading sekolah-sekolah rendah dan akibat kepada penukaran guru-guru daripada satu sekolah ke satu sekolah yang lain. Saya sukalah mengingatkan di sini bahawa grading yang dibuat pada tiap-tiap satu sekolah itu berasaskan kepada faktor-faktor yang tertentu dan satu daripada faktornya ialah jumlah murid yang ada di tiap-tiap satu sekolah. Proses grading ini sedang berjalan di peringkat Kementerian dan tidak berapa lama lagi akan dapat dibuat keputusan muktamad dan seboleh-bolehnya di mana difikirkan bahawa guru besar ataupun seseorang itu yang telah memegang jawatan sebagai pemangku, difikirkan layak maka guru yang berkenaan itu akan dapat dikekalkan. Tetapi pada prinsipnya, sukalah saya menyatakan bahawa grading sekolah ada hubungan dengan grading guru-guru itu sendiri. Grading tiap-tiap seorang guru itu pula berdasarkan kepada perkhidmatan mereka dan kelulusan mereka dan faktor-faktor perkhidmatan biasa yang diambil kira

apabila dilaksanakan proses grading sekolah-sekolah yang ada kaitan dengan guru-guru besar itu.

Haruslah kita sedar bahawa kalaulah seorang guru itu layak dinaikkan pangkat menjadi guru besar di satu sekolah 'B' dan kalaulah di sekolah 'B' itu asalnya sekolah 'C' dan seorang yang sedang memangku, tetapi guru yang layak itu patut ditaruh ke tempat 'B', kerana guru yang asal ada disitu, maka ini mungkin di anggap sebagai tidak adil pula oleh guru besar yang ada kena mengena dengan proses kenaikan pangkat untuk ianya sendiri. Walau macam manapun, saya sukalah menegaskan di sini bahawa kita tidak begitu keras, kita akan cuba sedaya upaya menyesuaikan proses ini.

Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah juga telah membangkitkan soal pelajaran moral disekolah-sekolah dan saya sukalah menyatakan bahawa pihak Kementerian Pelajaran menganggap pelajaran Ugama Islam disekolah sebagai satu daripada mata pelajaran moral untuk anak-anak murid kita daripada Ugama Islam dan untuk mereka yang bukan beragama Islam, pelajaran ethic dan moral dilaksanakan dan perkara ini telahpun dikaji oleh Jawatankuasa Kabinet dan kepastian awal telahpun dibuat insya Allah akan dapat kita laksanakan.

Tuan Pengerusi, soal asrama yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah dan Kangsar telah disebutkan di sini untuk sekolah-sekolah menengah dan saya sukalah menyatakan di sini bahawa seboleh-bolehnya kita akan mendirikan asrama di mana difikirkan perlu, tetapi yang menjadi satu masalah kepada Kementerian ialah bahawa untuk mendirikan sesuatu sekolah penuh berasrama itu perbelanjaan begitu besar, walhal ada pula kawasan-kawasan yang berdekatan barangkali berkehendakkan sekolah dari segi kemudahan-kemudahan asas. Jadi soal asrama ini dikaji dari segi keperluan dan dari segi bagaimana dan berapa ramai murid-murid dapat dikumpulkan pada keseluruhannya untuk murid-murid itu duduk disekolah-sekolah yang tertentu mengajar mata-mata pelajaran yang tertentu seperti sains dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar dan Kangar telah menyebutkan soal pembinaan sekolah-sekolah vokesyenal. Tidak boleh dinafikan bahawa sekolah-sekolah vokesyenal yang merupakan sekolah-sekolah yang sangat jadi daya penarik kepada ibu bapa sekarang, oleh sebab seorang yang keluar daripada sekolah vokesyenal itu harga ekonominya atau economic valuenya didapati tinggi, kerap kali berbeza daripada mereka yang keluar daripada sekolah-sekolah akademik biasa. Walau macam manapun sekolah-sekolah ini juga merupakan sekolah-sekolah yang harganya begitu besar dan berasaskan kepada itulah maka rancangan Kerajaan dari segi penyediaan sekolah-sekolah vokesyenal ini terpaksa terhad walaupun hasrat kita hendak menambahkannya seperti saya sebutkan di dalam pembentangan Anggaran Perbelanjaan saya tadi.

Berhubung dengan masalah-masalah apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar iaitu masalah slow learners. Saya sukalah menyatakan bahawa sebenarnya memang ada latihan yang diberikan untuk mengajar slow learners ataupun melaksanakan pembelajaran slow learners yang diberikan khas kepada guru-guru pelatih di Maktab Perguruan Ilmu Khas di Kuala Lumpur. Jadi, saya berharap perkara ini akan dapat diatasi oleh sebab kami sendiri di Kementerian Pelajaran sangat-sangat sedar atas perlunya kita membantu mereka atas sebab-sebab yang tertentu terpaksa jatuh di bawah kategori slow learners dan bukan disebabkan oleh pemalas dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang telah membangkitkan soal rahsia sekolah-sekolah dan bagaimana kebocoran berlaku dan ianya juga telah membangkitkan soal anasir-anasir anti-national dan kominis yang didapati di sekolah-sekolah. Saya sukalah menyatakan di sini bahawa pihak Kerajaan mengawasi dan sentiasa berwaspada di dalam masalah ini, tetapi maklumlah kalau anasir-anasir ini merupakan anti-national dan kominis, mereka bergerak dengan rahsia, tetapi saya suka menyatakan bahawa dengan kerjasama pihak polis dan dengan pihak-pihak yang berkenaan lain, kita telah dapat mengesan anasir-anasir ini di beberapa buah sekolah di seluruh negara kita seperti di Johor disebutkan dan kesan

ini akan terus diperhebatkan supaya anak-anak kita dibangku sekolah tidak akan terdedah kepada anasir-anasir jahat yang akan memberi akibat yang begitu buruk kepada masyarakat kita pada masa-masa yang akan datang.

Dari segi soal sekolah-sekolah swasta yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang juga sukalah saya menyatakan bahawa sekolah-sekolah swasta sebenarnya didaftarkan di bawah Akta Pelajaran Tahun 1961 dan pihak Kementerian sentiasa mengambil perhatian atas kursus-kursus yang diadakan dan perjalanan sekolah-sekolah tersebut. Di dalam hal ini, saya suka menyatakan bahawa pihak Kerajaan menerima prinsip bahawa sekolah-sekolah swasta pada amnya ada peranan mereka di dalam sistem pelajaran kita. Malahan adalah didapati bahawa mereka sendiri, sekolah-sekolah swasta ini dapat menampung keperluan anak-anak kita yang tidak dapat tempat di sekolah-sekolah Kerajaan asalkan sekolah-sekolah ini tertakluk kepada undang-undang di dalam negara kita ini termasuklah undang-undang yang ada kaitan dengan pelajaran.

Dari segi masalah bantuan di sekolah-sekolah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang, suka saya menyatakan terkena pula pada pagi ini Jawatankuasa Kabinet Pelajaran yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang saya sendiri menjadi ahlinya telah membincangkan soal ini dan pada prinsipnya kita telah membuat keputusan awal bahawa bantuan di sekolah-sekolah ataupun bantuan kecil sama ada biasiswa atau dermasiswa akan diperluaskan lagi dan kemungkinan untuk disesuaikan dari segi jumlah bantuan ini dan juga di dalam soal untuk kita hendak melaksanakan dengan teratur dan licin telah juga dikaji dan dapat dipastikan pada pagi ini di dalam mesyuarat kita.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat telah menyebutkan beberapa perkara dan di antaranya ialah soal rancangan bantuan makan panas. Nampaknya rancangan ini popular—sangat disukai oleh ibubapa, oleh sebab maklumlah kebanyakan daripada mereka yang diberi bantuan ini datangnya daripada luar bandar. Dan kita memang sedar

bahawa anak-anak kita dari luar bandar terpaksa berjalan begitu jauh untuk datang ke sekolah berbatu-batu, bukan itu sahaja yang penting lagi ialah bahawa murid-murid ini tidak dapat apa-apa makanan juga di rumah, habis kuat sekali dapat minum kopi o sahaja ataupun secebis biskut atau roti berjalan berbatu-batu, bukan kerana apa, tetapi kerana ibubapa mereka tidak mampu hendak memberi sarapan pagi seperti anak-anak kita di dalam bandar yang kebanyakannya terdiri daripada orang yang boleh dikatakan berada sungguhpun ada juga anak-anak kita di bandar yang datangnya daripada masyarakat miskin. Berasas kepada itulah, maka rancangan bantuan makanan panas ini telah diperluaskan dengan begitu pesat dan saya sendiri telah menyebutkan tadi oleh kerana banyak jumlah wang yang sedang diperuntukkan dan akan diperluaskan menaakluki begitu banyak daerah-daerah di seluruh negara kita ini.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat juga telah membangkitkan soal guru-guru dan soal lawatan sambil belajar. Saya menerima prinsip lawatan sambil belajar ini berguna kepada siapa pun, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat terutama sekali Wakil-wakil Rakyat lagi banyak kalau mereka diberi peluang lawatan sambil belajar, lebih baik oleh sebab melawat sesuatu tempat itu terutama sekali di luar negeri ini akan membukakan mata kita memperluaskan pandangan kita supaya kita tidak menganuti pandangan yang sempit dari segi perkembangan masyarakat pada keseluruhannya. Jadi, lebih-lebih lagi dari segi para guru terutama sekali memang diterima pada prinsipnya bagaimana baik kalau dapat dipraktikkan konsep yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat.

Untuk mencapai matlamat ini, sebenarnya pada beberapa tahun yang lepas, ada rancangan-rancangan yang tertentu tetapi terhad. Rancangan yang dikenal sebagai Anglo-Malaysian Education Corporation telah dijalankan, rancangan-rancangan lawatan ke negara Jepun juga dengan kerjasama Kerajaan Negeri Jepun dapat juga dijalankan, tetapi tidak dapat dijalankan tiap-tiap tahun, oleh sebab ini terpaksa berasas kepada jemputan ataupun tawaran yang dikemukakan oleh negara-negara yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah membangkitkan soal peruntukan Sekolah China; Sekolah Serdang Lama Kong Yu yang dikatakan dalam keadaan yang sangat daif. Saya akan mengarahkan supaya kedudukan sekolah ini diasas. Tetapi sukalah saya menyatakan bahawa soal kedudukan daif sekolah-sekolah ini bukan sahaja terjadi di kalangan sekolah-sekolah yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat tadi, malahan bukan sahaja pula meliputi keseluruhan Sekolah-sekolah Rendah China. Saya suka mengelakkan salah faham, jangan diperkatakan kita mengadakan diskriminasi dari segi Sekolah China. Peruntukan untuk memperbaiki, membaharui atau memperluaskan Sekolah-sekolah Rendah China memang ada dijalankan dan akan terus dijalankan sepertimana juga dijalankan untuk sekolah-sekolah pada keseluruhannya. Tetapi keutamaan diberi mengikut fakta-fakta yang tertentu seperti di luar bandar dan sebagainya. Di dalam Soal-Jawab di Majlis Dewan inipun telah disenaraikan sekolah-sekolah di mana bantuan untuk meluaskan Sekolah-sekolah Rendah China diberi pada beberapa hari yang lepas.

Dari segi Consumer Education yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, saya suka menyatakan bahawa begitu banyak syor-syor dibuat untuk menambah matapelajaran di sekolah-sekolah sehingga tidak ada tempat tidak ada masa. Tadi ada seorang daripada Ahli Yang Berhormat menyebut bagaimana teruk anak kita yang begitu kecil dibebankan dengan perkara-perkara yang begitu banyak hendak belajar, hendak menulis, hendak membaca pun susah. Ini hendak ditambahkan Consumer Education pula. Sungguhpun prinsipnya kita terima, tetapi pada masa ini ianya hanya merupakan extra-curricular activities sahaja, dan pihak sekolah-sekolah tidak menghalang, malahan menggalakkan pula consumer movement ini diadakan di sekolah-sekolah.

ETV pada masa cuti, sebenarnya ini modal saya dahulu sendiri. Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar menyebutkan, saya pun telah menyebutkannya. Saya sendiri telah menyatakan bahawa saya akan mengkaji soal ini, jadi tidak payahlah saya tambah

apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah membangkitkan soal-soal yang begitu banyak yang kadangkala susah sedikit saya hendak pastikan apa tujuannya bila dia bercakap. Ini satu masalah, ada loghat Perlis, kawan lama saya, tetapi bila dia bercakap dalam Dewan ini, saya teruk sedikit hendak mendengarnya. Bukan tidak kuat—kuat, menjerit-jerit, tetapi loghatnya, maklumlah orang Johor di Selatan, orang Perlis di utara. Apa Yang boleh saya dapat.....

Tuan Pengerusi: Saya lagi teruk, tiap-tiap hari di sini (*Ketawa*).

Dato' Musa Hitam: Saya sampaikan ucapan kasihan kepada Tuan Pengerusi. Dia telah membangkitkan, kalau dapat saya pastikan tadi soal peperiksaan dan Hari Kelepasan Umum seberapa boleh peperiksaan tidak diadakan di dalam Hari Kelepasan Umum. Tetapi kalau sesuatu peperiksaan itu terpaksa diadakan, ada hubungan dengan peperiksaan luar negeri, bahan-bahan daripada luar negeri, misalnya dahulu Senior Cambridge dan sebagainya, Form VI bila ada hubungan dengan Cambridge dan peperiksaan luar negeri, jadi kita tidak dapat mengelakkan.

Tuan Shaari bin Jusoh: Maksud saya hari peperiksaan yang jatuhnya di hari kebesaran.

Dato' Musa Hitam: Ya, Tuan Pengerusi, sama jugalah ceritanya. Satu sahaja perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar, yang lain itu, saya ambil perhatian.

Tuan Pengerusi, soal yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam dari segi kelambatan pelaksanaan pembinaan ataupun pembangunan pada keseluruhannya. Ini juga saya suka menyatakan telah dikaji dengan begitu teliti oleh Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir pada minggu lepas dan kita telah memutuskan bahawa pihak JKR terpaksa akan menyemak semula cara pelaksanaan yang dijalankan dan Menteri

yang berkenaan yang menjadi ahli Jawatankuasa itupun telah mengambil ingatan dan akan membuat kajian di mana difikirkan perlu supaya soal pelaksanaan ini akan dapat dikurangkan, sungguhpun saya sukalah menyatakan bahawa kita tidak boleh nafikan bahawa sebenarnya dari segi pelaksanaan pembangunan sekolah-sekolah terutama sekali kedudukannya lebih baik daripada masa-masa yang lepas.

Dalam soal Dewan Bahasa dan Istilah, saya suka menyatakan bahawa Jawatankuasa ataupun Unit Istilah memang sudah ada di dalam Dewan Bahasa di mana pakar-pakar yang tertentu ada di dalamnya, tetapi di dalam soal Istilah ini, sukalah saya menyatakan di dalam bahasa Inggeris dikatakan 'usage', bergantung kepada usage, penerimaan. Walaupun macam manapun digubal Istilah itu, kalau tidak mahu diterima, tidak akan digunakan malahan Istilah itu akan mati. Ini terpulung kepada masyarakat yang berkenaan.

Akhir sekali, saya suka menyentuh sedikit berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Langat, iaitu soal pelajaran bahasa ibunda. Saya suka menegaskan bahawa Dasar Pelajaran jelas di dalam soal pelajaran bahasa ibunda. Tidak payahlah saya huraikan butir-butirnya, tetapi jelas iaitu hak asasi diterima dan hak ini dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran sesuai dengan Akta Pelajaran negara kita. Samada murid-murid itu ada minat atau tidak, terpulung kepada murid-murid dan ibubapa sendiri. Tidak menjadi hairan kalau kita dapati di mana-mana kawasan-kawasan yang tertentu anak-anak Melayu yang belajar Bahasa Cina, oleh sebab mereka ada minat.

Cuma saya suka menyebutkan di dalam hal ini, saya menerima kenyataan ini bahawa soal guru menjadi satu soal yang agak berat sedang dihadapi oleh Kementerian, samada Bahasa Malaysia, bahasa Inggeris, bahasa China atau bahasa Tamil dan di dalam hal ini, saya suka menyatakan bahawa pihak Kementerian sedang berusaha di dalam kajian yang kita telah dapat pastikan setakat ini sedang berusaha untuk melatih guru-guru bahasa-bahasa yang berkenaan di dalam negara kita ini supaya penyampaian pelajaran bahasa-bahasa yang berkenaan itu akan dapat

dibuat dengan lebih berkesan lagi. Samada latihan perguruan itu akan diberi melalui institusi-institusi yang tertentu di unviersiti ataupun institusi-institusi yang akan dapat dipastikan perlu didirikan atau melalui maktab-maktab, latihan-latihan guru dan sebagainya ini sedang dipastikan satu persatunya.

Tuan Pengerusi, dengan itu saya ucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pendapat mereka di dalam perbahasan berkenaan dengan Kementerian saya.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$1,941,593,400 untuk Maksud B.29 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$421,773,270 untuk Maksud P.29 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1979.

Tuan Pengerusi: Esok Majlis ini akan membincangkan B. 25 dan P. 25 di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari esok, 22hb November, 1978.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.31 petang.